


LAPORAN TAHUNAN



2017

ISI KANDUNGAN

KDYMM SULTAN TERENGGANU	iii
PERUTUSAN	1
Perutusan Yang Dipertua MAIDAM	1
Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif MAIDAM	2
LEMBARAN EKSEKUTIF	3
MAKLUMAT KORPORAT	11
Sejarah Penubuhan	14
Objektif, Punca Kuasa, Visi & Misi	15
Keanggotaan Majlis	17
Jawatankuasa Di Bawah Lantikan MAIDAM	20
Carta Organisasi	31
Pengurusan MAIDAM	32
LAPORAN OPERASI	35
Pengurusan Zakat	38
Pungutan	39
Agihan	43
Pengurusan Mal	61
Wakaf & Sumber Am	72
Pengurusan Projek	75
Ar-Rahnu	77
KHIDMAT PENGURUSAN	83
Pentadbiran dan Keurusetiaan	85
Sumber Manusia	88
Kewangan dan Pelaburan	93
Teknologi Maklumat	95
Undang-undang	97
Pengauditan	109
Perhubungan Korporat	111
PENYATA KEWANGAN	119
KERATAN AKHBAR	153
LENSA MAIDAM	173
DIREKTORI	175

Ahli Sidang Redaksi

Penaung

YB Dato' Haji Shaikh Harun bin Shaikh Ismail
Yang Dipertua MAIDAM

Penasihat

YBhg. Dato' Haji Wan Mohd bin Wan Ibrahim
Ketua Pegawai Eksekutif

Ketua Pengarang

Tn. Haji M. Rozi bin Bidin
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif

Penyunting 1

Pn. Suhailawati binti Saigai
Ketua Penolong Setiausaha (Khidmat Pengurusan)

Penyunting 2

En. Ahmad Nordin bin Alias
Penolong Kanan Setiausaha (Teknologi Maklumat)

Pengarang

En. Mahari bin Abdul Rahman
Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Mal)

En. Nazli Amirri bin Ngah
Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Zakat)

En. Mohd Jalil bin Ngah
Penolong Kanan Setiausaha (Teknikal)

Pn. Norliza binti Muhd Nor
Penolong Kanan Setiausaha (Kewangan)

En. Hishamliza bin Zakaria
Penolong Kanan Setiausaha (Keurusetiaan)

Tn. Haji Muhammad Juhari bin Ismail
Penolong Setiausaha (Pungutan & Pentadbiran Zakat)

Tn. Haji Yaacob bin Abdullah
Penolong Setiausaha (Pendidikan & Ekonomi)

Cik Norhana binti Yaakub
Penolong Setiausaha (Kewangan)

En. Wan Mohd Helmi bin Wan Samsudin
Penolong Setiausaha (Sosial dan Kemanusian)

En. Mohd Ridzuan bin Mohamad
Penolong Setiausaha (Wakaf & Sumber Am)

Tn. Haji Abd. Halim Lim bin Abdul Rahman
Penolong Setiausaha (Dakwah Saudara Kita)

Pn. Nurhafiza binti Zamri
Pegawai Undang-Undang

Pn. Nurul Ain binti Nordeen
Penolong Setiausaha (Pengurusan Harta)

En. Muhamad Syarif bin Omer
Penolong Setiausaha (Wakaf (Zon Utara))

Pn. Ummi Sayyidatul Habibah binti Mat Lazin
Penolong Setiausaha (Wakaf (Zon Selatan))

Hjh. Zaleha binti Mohd Ali
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Sumber Manusia)

En. Wan Farid Imran bin Wan A. Latif
Pengurus Ar-Rahnu MAIDAM

En. Rosli bin Ahmad
Penolong Akauntan (Audit Dalam)

Urusetia Penerbitan
YM Tengku Hasyda binti Tengku Ibrahim
Penolong Pegawai Tadbir (Perhubungan Korporat)

Hjh. Faezah binti Sulaiman
Ketua Pembantu Tadbir Kanan (Pentadbiran)

Jurufoto
Encik Muhammad Syazwi bin Mohd Sabri
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat

Encik Abdul Rahman bin Che Mohd
Juruteknik Teknologi Maklumat



KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA AL-WATHIQU BILLAH SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN

D.K.T., D.K.R., D.K., D.K.M., D.M.N., S.U.M.Z., S.S.M.T., S.P.M.T., D.K. (Perlis), D.K. (Johor), D.K.M.B. (Brunei), D.K. (Perak), D.K. (N. Sembilan),
D.K. (Kedah), D.K. (Kelantan), D.K. (Selangor), S.P.M.J., Commandeur de la Legion d'Honneur (France), The Most Auspicious Order of The Rajamitrabhorn (Thailand),
Collar De La Orden Al Merito De Chile (Chile), Necklace of Independence (Qatar), Bintang Republik Indonesia Adipurna (Indonesia)

IBNI

ALMARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH

SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN BAGI NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN SERTA SEGALA JAJAHAN TAKLUKNYA

Perutusan

Yang Dipertua
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu



Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terlebih dahulu, saya memanjatkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan rahmatNya juga, segala perancangan program dan aktiviti yang digariskan oleh pihak Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) ke arah memperkasakan pengurusan hal ehwal Islam disamping meningkatkan sosio ekonomi ummah bagi tahun 2017, telah dapat direalisasikan dengan jayanya.

Sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada seluruh warga MAIDAM yang telah bersungguh-sungguh menjalankan tugas dan amanah bagi memastikan semua program dapat dilaksanakan dalam memastikan pembangunan sosio ekonomi ummah di negeri ini dapat di jayakan.

Melalui kekuatan sumber yang ada hasil daripada penerimaan zakat yang semakin meningkat pada setiap tahun, istiqamah ke arah membangunkan ummah telah menjadi pendorong kepada MAIDAM untuk terus mengorak langkah menerusi pelbagai aktiviti agihan bantuan kepada semua golongan asnaf. Ini merupakan satu kejayaan pembudayaan ummah yang boleh saya sifatkan sebagai “Cakna Zakat”.

Saya berharap agar kesedaran membangunkan ummah menerusi aktiviti kebajikan sebegini dimanfaatkan sebaik mungkin oleh semua lapisan masyarakat agar ianya mampu menjadi instrumen yang menyokong usaha kerajaan di dalam membasmikan kemiskinan. InsyaAllah, impian menjadikan Negeri Terengganu sebagai sebuah negeri yang maju, berkat dan sejahtera dapat direalisasikan.

Selain daripada itu, MAIDAM juga melihat peluang-peluang baharu selain zakat dalam usaha untuk menambah hasil dan pendapatan MAIDAM melalui pembangunan tanah-tanah baitulmal termasuk tanah-tanah wakaf yang berpotensi untuk dimajukan.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada pembayar-pembayar zakat di Negeri Terengganu kerana terus menunaikan kewajipan berzakat. Ini adalah merupakan satu kekuatan bagi membangunkan sosio-ekonomi ummah dan seterusnya melahirkan masyarakat Islam yang maju, harmoni dan seimbang merangkumi aspek dunia ni dan ukhrawi.

Tidak lupa juga saya merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada Mantan Yang Dipertua MAIDAM, Y.B. Dato' Haji Shaikh Harun bin Shaikh Ismail kerana dapat membawa dan memacu MAIDAM ke arah kecemerlangan. Segala khidmat bakti dan kepakaran idea yang beliau sumbangkan di sepanjang tahun 2017 ketika diberi amanah sebagai Yang Dipertua MAIDAM amat dihargai.

Insyallah, saya bersama Ahli MAIDAM dan seluruh warga MAIDAM akan memastikan agensi ini terus mengorak langkah untuk melakar kejayaan demi kejayaan di masa yang akan datang.

Adalah diharapkan semoga MAIDAM akan terus komited bagi memastikan setiap perancangan menepati sasaran serta memberikan komitmen yang padu ke arah membawa sinar gemilang di dalam memartabatkan syiar Islam di Negeri Terengganu Darul Iman.

Sekian. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

DATO' HAJI OSMAN BIN MUDA

Perutusan

**Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu**

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana Buku Laporan Tahunan MAIDAM 2017 telah dapat direalisasikan penerbitannya. Saya mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang berusaha keras dalam menjayakan penerbitan buku ini. Tanpa komitmen dan kerjasama padu dalam pengurusan MAIDAM sudah pasti Buku Laporan ini tidak dapat disiapkan dengan sempurna.

MAIDAM sebagai sebuah institusi Agama Islam akan sentiasa berusaha untuk memastikan pembangunan sosio ekonomi ummah dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Perlu diberi perhatian, sememangnya melaksanakan kebijakan serta berzakat, adalah suatu komponen penting yang dianjurkan oleh Islam bagi membela golongan fakir miskin. Walau bagaimanapun, ianya bukanlah bersifat suatu penyelesaian hakiki terhadap isu kemiskinan rakyat. Selain daripada sokongan dan bantuan yang diberikan, golongan fakir miskin sendiri perlu berubah sikap dan berusaha untuk membebaskan diri mereka dari belenggu kemiskinan.

Diharap melalui usaha MAIDAM ini akan menjadi “Multiplier effect” yang dapat meningkatkan ekonomi golongan asnaf yang akan datang mampu pula mengeluarkan zakat ke atas harta yang mereka miliki.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua warga MAIDAM yang telah melaksanakan tugas masing-masing dengan penuh komitmen demi memberi perkhidmatan yang terbaik kepada semua pelanggan.


Sekian, terima kasih.

HAJI W. ISMAIL SAHAIMI BIN HAJI W. OMAR







LEMBARAN EKSEKUTIF




Jumlah Pungutan dan Agihan Zakat




Jumlah Pembiayaan dan Tebusan Ar-Rahnu



Agihan Zakat Mengikut Sektor




Laporan Umum Pengagihan Bantuan Modal Kepada Asnaf




Agihan Bantuan Modal Mengikut Daerah



Pengagihan Bantuan Pendidikan & Pengajian Tinggi



Perbelanjaan Bantuan Dermasiswa / Bantuan Am Berasaskan Negara




Perbelanjaan Bantuan Awal Pengajian IPTA / IPTS Mengikut Daerah 2017





MAKLUMAT KORPORAT



Latar Belakang

Penubuhan MAIDAM dinyatakan melalui peruntukan di dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Terengganu dan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001 (En. 2/01).

Fasal 4.1 Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1911 (Bab Yang Pertama) memperuntukkan :

“4.(1) Maka Ketua Agama bagi Negeri ini ialah Duli Yang Maha Mulia dan Majlis Agama dan Adat Melayu, yang di dalam bahasa Inggeris dipanggil “Council of Religion and Malay Customs” yang dilembagakan menurut Undang-Undang Negeri yang sedia ada hendaklah membantu dan menasihatkan Duli Yang Maha Mulia mengikut undang-undang itu.”

Seksyen 3 (Kecualian prerogatif) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) (Pindaan 2012) memperuntukkan:

“Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Enakmen ini boleh mengurangkan atau menyentuh hak-hak dan kuasa-kuasa Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Agama Islam di dalam Negeri Terengganu sebagaimana yang ditetapkan dan dinyatakan dalam Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu.”

Seksyen 4 (Penubuhan Majlis) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001 (En. 2/01) memperuntukkan :

“(1) Maka hendaklah ada suatu badan bernama “Majlis Agama Islam dan Adat Melayu” untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam.

(2) Apabila seksyen ini mula berkuat kuasa, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu yang wujud sebelum permulaan kuat kuasa itu menurut kuasa Enakmen terdahulu hendaklah disifatkan sebagai Majlis yang disebut dalam subseksyen (1).

(3) Segala hak, kuasa, kewajipan dan tanggungan yang sebelum Enakmen ini mula berkuat kuasa adalah terletak hak atau dipertanggungkan pada Majlis terdahulu hendaklah apabila Enakmen ini mula berkuat kuasa terletak hak dan dipertanggungkan pada Majlis, kecuali mana-mana yang tidak selaras dengan peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

(4) Segala jenis harta, alih dan tak alih, yang sebelum Enakmen ini mula berkuat kuasa, adalah terletak hak pada Majlis terdahulu hendaklah, apabila Enakmen ini mula berkuat kuasa, terletak hak pada Majlis tanpa dipindahkan, diserahkan atau dipindahmilikkan.”

Bidang kuasa MAIDAM pula dijelaskan melalui Seksyen 7 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001 (En. 2/01) :

“Majlis hendaklah membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan Agama Islam dan Adat Melayu di dalam Negeri Terengganu, kecuali perkara-perkara Hukum Syarak dan yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Negeri Terengganu selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini.”

Sejarah Penubuhan

Berdasarkan catatan yang ditemui, MAIDAM pada asalnya dinamakan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu, telah ditubuhkan pada tahun 1949 apabila Undang-Undang Bil. 1 Tahun 1949 diwartakan pada 16 Februari tahun yang sama.

Menurut warta tersebut, bahawa Yang Maha Mulia Sultan akan menyebabkan supaya dibuat Undang-Undang bagi maksud mengatur segala perkara-perkara agama dan bagi mendirikan satu Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu kerana membantu dan menasihatkan Duli Yang Maha Mulia di dalam semua perkara yang bersangkutan dengan Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu.

Undang-Undang tersebut dinamakan Undang-Undang Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu 1949 (1368).

Keahliannya terdiri tidak kurang daripada 3 orang ahli rasmi yang memegang jawatan yang bergaji di bawah Kerajaan Negeri dan tidak kurang daripada 5 orang ahli yang bukan rasmi.

Bagaimanapun, sepanjang Undang-Undang tersebut ditubuhkan, senarai keahlian Majlis tidak ditemui sehingga Undang-Undang tersebut dipinda 6 tahun kemudian iaitu dengan termaktubnya Undang-Undang Pentadbiran Hukum Syarak Tahun 1955 (1375).

Undang-Undang ini turut menghapuskan perkataan Istiadat dan diletakkan di bahagian III di bawah fasa 6 hingga 21 dengan menampakkan peranan dan fungsi yang lebih jelas dan terarah.

Mulai dari 1 Julai 1958, telah ditemui senarai keahliannya yang diwartakan dari semasa ke semasa hingga sekarang. Pada ketika itu, Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu akan dilantik menjadi Yang Dipertua Majlis.

Perkara ini berlaku sehingga Kerajaan sekali lagi mewartakan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986 pada 26 Mac 1987. Dalam enakmen ini seorang Setiausaha dilantik bagi Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT).

Pada tahun 1992, pindaan enakmen dibuat bagi menukar lantikan Setiausaha bagi JHEAT kepada lantikan Setiausaha bagi Majlis.

Tanggal 10 April 1996, diluluskan pindaan enakmen bagi membolehkan YAB Menteri Besar menjadi Yang Dipertua Majlis dan secara automatik Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama sebagai Setiausaha Majlis.

Pada 30 Jun 1998, pindaan sekali lagi dibuat melibatkan lantikan Setiausaha Majlis yang juga bertindak sebagai Ketua Pegawai Eksekutif yang akan menjalankan segala dasar dan ketetapan Majlis. Semua perkataan Jabatan dan Pesuruhjaya dalam enakmen ditukar kepada Majlis.

Seterusnya pada 22 November 2001, Kerajaan telah meluluskan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M yang berkuatkuasa pada 1 Ogos 2002. Pindaan-pindaan telah dibuat pada tahun 2003 berkait dengan pelantikan Pegawai Pengawas Syariah dan tahun 2008 tentang kuasa Duli Yang Maha Mulia Sultan melantik Yang Dipertua Majlis dan anggota-anggota Majlis yang lain.

Pindaan terbaru terhadap Enakmen ini ialah pada tahun 2012. Kerajaan Negeri, melalui Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada 25 April 2012, telah meluluskan pindaan Enakmen ini yang melibatkan 19 seksyen.

Jawatan Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama masih dikenakan dan kuasa perlantikan jawatan ini kekal di tangan Duli Yang Maha Mulia Sultan. Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama juga akan menjadi Setiausaha dan Ketua Pegawai Eksekutif kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu.

Matlamat Utama

Selaras dengan peruntukan Fasal 4 (1) Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Pertama) dan peruntukan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001 (Pindaan 2012), adalah menjadi matlamat utama MAIDAM untuk terus membantu dan menasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu dalam semua perkara yang menyentuh hal ehwal agama, pembangunan syiar Islam serta kesejahteraan sosio-ekonomi umat Islam di Negeri Terengganu berlandaskan Al-Quran dan Sunnah.

Objektif

01

Memastikan pengurusan dan perjalanan Hal Ehwal Agama Islam di Negeri ini berjalan di landasan yang betul.

02

Mempertingkatkan dan meneguhkan sosio-ekonomi umat Islam di negeri ini menerusi Institusi Baitulmal (Zakat).

03

Memastikan Harta-harta Umat Islam terpelihara, berkembang dan membangun sesuai menurut tuntutan syarak.

04

Memastikan semua orang Islam mengeluarkan zakat kepada MAIDAM.

Punca Kuasa

Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001.

Keanggotaan Majlis

(sehingga 13 Disember 2017)



YANG DIPERTUA

YB Dato' Haji Shaikh Harun bin Shaikh Ismail
DPMT., ASM., PJK.



AHLI

Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu
YB Dato' Wan Nawawi bin Wan Ismail
DPMT., SMZ., PJC., PJK.



AHLI

Penasihat Undang-Undang Negeri
YB Dato' Azhar bin Abdul Hamid
DSAP., AMK.



AHLI

Pegawai Kewangan Negeri Terengganu
YB. Dato' A. Rahman bin Yahya
DPMT., AMZ., KMN., PJK



AHLI

Sahibus Samahah Dato' Mufti Negeri Terengganu
YBhg. Dato' Dr. Haji Zulkiply bin Haji Muda
DPMT.

**AHLI**

Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri Terengganu
Tuan Haji Wan Abdul Malik bin Wan Sidek
AMT., PJC., PJK.

**AHLI**

YM Dato' Dr. Syed Mohammad Salleh bin Syed Yusof Al-Zawawi
DPMT.

**AHLI**

Ketua Polis Negeri Terengganu
YDH DCP. Dato' Rosli bin Ab Rahman
DIMP., PSPP.

**AHLI**

YBhg. Dr. Che Omar bin Haji Awang

**AHLI**

YBhg. Dato' Wan Abdul Wahab bin Wan Abdullah
DPMT., JMN., PJK.

**AHLI**

YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul Hakim bin Abdullah
AMZ.



AHLI

YBhg. Prof. Dr. Hj. Yusoff bin Mohamad



AHLI

Tuan Haji Wan Abdul Rahim Kamil bin Wan Mohamed Ali



AHLI

Tuan Haji Mohamad Zahari bin Harun

PMC., SMZ.



SETIAUSAHA

Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu

YBhg. Dato' Haji Wan Mohd bin Wan Ibrahim

DPMT., PJC., PJK.

Jawatankuasa Di Bawah Lantikan MAIDAM

Bagi menghasilkan pendapat dan resolusi yang konkret serta memperkuuhkan pentadbiran dan pengurusan, MAIDAM telah menubuhkan beberapa Jawatankuasa:-

Jawatankuasa-Jawatankuasa Majlis Bagi Tempoh 13 Disember 2016 - 12 Disember 2019

Ahli Jawatankuasa Kewangan, Pembangunan dan Pelaburan MAIDAM

01

	Pengerusi
1. YB. Dato' Yang Dipertua, MAIDAM	Ahli
2. Timbalan Yang Dipertua, MAIDAM	Ahli
3. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Terengganu	Ahli
4. YBhg. Sahibus Samahah Dato' Mufti Negeri Terengganu	Ahli
5. YBhg. Dato' Wan Abdul Wahab bin Wan Abdullah	Ahli
6. Tuan Haji Wan Abdul Rahim Kamil bin Wan Mohamed Ali	Ahli
7. Tuan Haji Mohamad Zahari bin Harun	Ahli
8. YBhg. Dr. Che Omar bin Haji Awang	Ahli
9. Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri	Ahli
10. Pengarah Tanah dan Galian Terengganu	Ahli
11. Pengarah Jabatan Kerja Raya	Ahli
12. Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu	Setiausaha

Tugas :

- a. Bertanggungjawab menyemak dan membincang Cadangan Anggaran Pendapatan Dan Perbelanjaan Tahunan MAIDAM.
- b. Bertanggungjawab merancang dasar dan polisi berkaitan pengurusan kewangan, pembangunan dan pelaburan MAIDAM.
- c. Bertanggungjawab menimbang dan meluluskan permohonan pelupusan surat cara kewangan, hapus kira & kehilangan wang dan aset MAIDAM.
- d. Bertanggungjawab menimbang dan meluluskan permohonan pengwujudan Akaun Panjar serta permohonan pulang balik pungutan.
- e. Bertanggungjawab menimbang dan meluluskan permohonan pembayaran ke atas perbelanjaan tahun sebelum yang memerlukan kelulusan khas.
- f. Bertanggungjawab meneliti dan meluluskan permohonan pengecualian sebut harga dan tender terbuka.
- g. Bertanggungjawab menilai laporan kemajuan projek yang dilaksanakan oleh MAIDAM.
- h. Bertanggungjawab menilai laporan kehilangan wang dan aset MAIDAM.
- i. Bertanggungjawab merancang dan melupuskan pelaburan mengikut terma dan syarat yang ditentukan oleh MAIDAM.
- j. Bertanggungjawab mengkaji dan menambahbaik skim Ar-Rahnu MAIDAM.
- k. Bertanggungjawab meluluskan pemakaian pekeliling berkaitan kewangan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri.
- l. Bertanggungjawab meluluskan permohonan pindah dan tambah peruntukan Belanjawan MAIDAM.
- m. Bertanggungjawab membuat cadangan dan memperakukan pelaburan di institusi kewangan yang sesuai.
- n. Bertanggungjawab meneliti dan memperakukan cadangan projek pembangunan yang bermanfaat.
- o. Bertanggungjawab meneliti dan memperakukan bentuk serta penglibatan wang dalam projek ekonomi.
- p. Bertanggungjawab mengawal dan memantau berkaitan pengurusan bajet, pengurusan pungutan dan tunggakan hasil, pengurusan perolehan, pengurusan aset (pemilikan/pelupusan) serta pengurusan perakaunan.
- q. Bertanggungjawab melaksanakan fungsi-fungsi yang ditetapkan oleh MAIDAM dari semasa ke semasa.

Ahli Jawatankuasa Kenaikan Pangkat, Tatatertib dan Sumber Manusia MAIDAM

02

1. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Terengganu
2. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Terengganu
3. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Terengganu
4. Setiausaha Bahagian (Pengurusan Sumber Manusia)
5. Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu

Pengerusi
Ahli
Ahli
Ahli
Setiausaha

Tugas :

- a. Bertanggungjawab meneliti dan merancang keperluan sumber manusia MAIDAM.
- b. Bertanggungjawab meneliti dan merancang keperluan latihan dan kompetensi pegawai serta kakitangan MAIDAM.
- c. Bertanggungjawab memantau keberkesanan dan penarafan (*Key Performance Index (KPI)*).
- d. Bertanggungjawab memantau pelaksanaan peraturan dan pentadbiran yang sedia ada.
- e. Bertanggungjawab mengkaji dan merancang berkaitan perjawatan MAIDAM.
- f. Bertanggungjawab mengkaji dan menimbang kenaikan pangkat pegawai dan kakitangan MAIDAM.
- g. Bertanggungjawab membincang dan memutuskan hukuman tatatertib pegawai dan kakitangan MAIDAM.
- h. Bertanggungjawab melaksanakan fungsi-fungsi yang ditetapkan oleh MAIDAM dari semasa ke semasa.

Ahli Jawatankuasa Lembaga Perolehan MAIDAM

03

1. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Terengganu
2. YM. Dato' Dr. Syed Mohammad Salleh bin Syed Yusof Al-Zawawi
3. YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul Hakim bin Abdullah
4. Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Terengganu
5. Setiausaha Bahagian (Khidmat Pengurusan)
6. Timbalan Pengarah, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)
7. Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu

Pengerusi
Ahli
Ahli
Ahli
Ahli
Ahli
Setiausaha

Tugas :

- a. Bertanggungjawab memutuskan tender yang menguntungkan dengan mengambil kira unsur-unsur harga, perkhidmatan atau kegunaan barang itu, kuantiti, kualiti, tempoh penyerahan atau penyiapan dan faktor lain yang berkaitan.
- b. Bertanggungjawab memeriksa dan meneliti salinan iklan pelawaan tender, penentuan dokumen tender (jika perlu) dan jadual tender yang disediakan.
- c. Bertanggungjawab menyemak keupayaan teknikal dan kewangan penender.
- d. Bertanggungjawab menimbang dan memperakurkan keputusan sebut harga dan tender yang dikeluarkan oleh MAIDAM bagi mendapat persetujuan MAIDAM.
- e. Bertanggungjawab melaksanakan apa-apa fungsi dan tugas yang diarahkan oleh MAIDAM.

Ahli Jawatankuasa Audit MAIDAM

04

1. Tuan Haji Wan Abdul Rahim Kamil bin Wan Mohamed Ali
2. YM. Dato' Dr. Syed Mohammad Salleh bin Syed Yusof Al-Zawawi
3. YBhg. Dato' Wan Abdul Wahab bin Wan Abdullah
4. YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul Hakim bin Abdullah
5. Tuan Haji Mohamad Zahari bin Harun
6. Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu

Pengerusi
Ahli
Ahli
Ahli
Ahli
Setiausaha

Tugas :

- a. Bertanggungjawab meneliti dan mengulas laporan Juruaudit Dalam dan Juruaudit Luar.

- b. Bertanggungjawab meminta penjelasan dan maklum balas serta tindakan yang akan diambil oleh pihak pengurusan tentang teguran yang dibangkitkan oleh Juruaudit.
- c. Bertanggungjawab memperakuan tindakan yang perlu diambil ke atas teguran Juruaudit.
- d. Bertanggungjawab memberi arahan tugas untuk Juruaudit menjalankan pengauditan termasuk perancangan mengenal pasti dan mengurus risiko, penyelewengan dan keciran dalam mana-mana unit, urusan, aktiviti, program dan lain-lain hal yang didapati perlu.
- e. Bertanggungjawab mencadangkan pelantikan Juruaudit Luar.
- f. Bertanggungjawab mengawal dan memantau kepatuhan (*compliance*) kepada dasar, prosedur operasi, garis panduan dan sebagainya yang ditetapkan oleh MAIDAM dari semasa ke semasa.
- g. Bertanggungjawab menimbang dan mengulas:
 - Laporan Perbelanjaan Dan Pembelian Darurat.
 - Laporan Ketidakseimbangan Pengendalian Akaun.
 - Laporan Pembayaran Yang Tidak Diperakui, Pulangan balik Bayaran Lebih Dan Hutang Yang Tidak Diperoleh.
 - Laporan Kehilangan Wang Dan Aset MAIDAM.
- h. Bertanggungjawab mengkaji keberkesanan fungsi organisasi ke arah mengamalkan amalan pentadbiran yang baik.
- i. Bertanggungjawab menentukan kemampuan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman dan pengawasan operasi.
- j. Bertanggungjawab memastikan organisasi menjalankan amalan tadbir urus dengan baik.
- k. Bertanggungjawab mengkaji keberkesanan dan kemampuan sistem pengawalan dari dalam.
- l. Beranggungjawab mengkaji perancangan aktiviti audit oleh Unit Audit Dalam yang meliputi skop kerja, jadual, keanggotaan serta penyelarasian di antara Juruaudit Dalam dan Juruaudit Luar.
- m. Bertanggungjawab mengkaji laporan daripada Juruaudit Dalam dan Juruaudit Luar serta memperakuan tindakan susulan yang perlu diambil kepada MAIDAM.
- n. Bertanggungjawab mengkaji dan menasihati MAIDAM mengenai Penyata Kewangan, prospektus dan laporan-laporan kewangan lain yang dikeluarkan.
- o. Bertanggungjawab mengkaji dan menasihati MAIDAM berhubung dengan maklumat prestasi secara kuantitatif di atas aktiviti yang tertakluk kepada audit dan perkara lain yang melibatkan tanggungjawab sebagaimana yang diputuskan oleh MAIDAM.
- p. Bertanggungjawab mengesan pematuhan kepada peraturan yang ditetapkan oleh MAIDAM serta tatakelakuan pegawai dan kakitangan serta mengambil daya usaha menyiasat sebarang pertelingkahan yang berlaku di dalam MAIDAM.
- q. Bertanggungjawab memastikan MAIDAM sentiasa mengubahsuai pelaksanaan kerja selaras dengan perubahan ikhtisas yang berlaku dalam bidang perakaunan seperti pengisytiharan oleh Institut Akauntan Malaysia dan Jawatankuasa Piawaian Perakaunan Antarabangsa.
- r. Bertanggungjawab melaporkan kepada pihak pengurusan mengenai pegawai dan kakitangan yang didapati telah melakukan sebarang penyelewengan untuk tindakan yang sesuai.
- s. Bertanggungjawab melaksanakan fungsi-fungsi yang ditetapkan oleh MAIDAM dari semasa ke semasa.

Ahli Jawatankuasa Hal Ehwal Islam MAIDAM

05

		Pengerusi
1. YB. Dato' Yang Dipertua, MAIDAM		Ahli
2. YBhg. Sahibus Samahah Dato' Mufti Negeri Terengganu		Ahli
3. Ketua Polis Negeri Terengganu		Ahli
4. YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul Hakim bin Abdullah		Ahli
5. YBhg. Dr. Che Omar bin Haji Awang		Ahli
6. YBhg. Dato' Ismail bin Ali		Ahli
7. Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu		Setiausaha

Tugas :

- a. Bertanggungjawab menetapkan dasar dan perkara berkaitan program untuk kemaslahatan umat Islam.
- b. Bertanggungjawab menetapkan dasar dan perkara berkaitan khairat untuk faedah umat Islam.
- c. Bertanggungjawab menetapkan dasar dan perkara berkaitan Muallaf.
- d. Bertanggungjawab menetapkan dasar dan perkara berkaitan masjid.
- e. Bertanggungjawab menetapkan dasar dan perkara berkaitan perkuburan Islam.

- f. Bertanggungjawab menetapkan dasar dan perkara berkaitan pengurusan halal.
- g. Bertanggungjawab menubuh, mengurus dan mengawal rumah-rumah kebajikan termasuk institusi latihan dan penyelidikan Islam.
- h. Mengkaji dan membuat dasar berkaitan biasiswa MAIDAM.
- i. Mengkaji dari semasa ke semasa kaedah pemberian bantuan kepada pelajar di bawah peruntukan zakat.
- j. Membincangkan perkara berkaitan Ar-Rahnu MAIDAM.
- k. Bertanggungjawab melaksanakan fungsi-fungsi yang ditetapkan oleh MAIDAM dari semasa ke semasa.

Ahli Jawatankuasa Panel Peguam Syarie MAIDAM

06

1. YB. Dato' Yang Dipertua, MAIDAM	Pengerusi
2. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Terengganu	Ahli
3. YBhg. Sahibus Samahah Dato' Mufti Negeri Terengganu	Ahli
4. Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri Terengganu	Ahli
5. Ketua Pendakwa Syarie Negeri Terengganu	Ahli
6. Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu	Setiausaha

Tugas :

- a. Bertanggungjawab sebagai Panel Temuduga Peguam Syarie.
- b. Bertanggungjawab menimbang dan memperakarkan calon Peguam Syarie.
- c. Bertanggungjawab melaporkan keputusan panel kepada MAIDAM untuk mendapatkan pengesahan dan persetujuan mengenai perkara yang berkaitan dengan Peguam Syarie.
- d. Bertanggungjawab memanjangkan rayuan oleh Peguam Syarie kepada MAIDAM.
- e. Bertanggungjawab melaksanakan apa-apa fungsi dan tugas yang diarahkan oleh MAIDAM.

Ahli Jawatankuasa Perundangan MAIDAM

07

1. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Terengganu	Pengerusi
2. Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri Terengganu	Ahli
3. Ketua Pendakwa Syarie Negeri Terengganu	Ahli
4. Timbalan Mufti Negeri Terengganu	Ahli
5. Puan Salwa binti Mansor (Tetuan Ahmad Shahabuddin & Co.)	Ahli
6. Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu	Setiausaha

Tugas :

- a. Bertanggungjawab memantau keperluan dan pelaksanaan perundangan Undang-Undang Syariah.
- b. Bertanggungjawab menyemak dan mencadangkan penambahbaikan undang-undang, kaedah, garis panduan dan pekeliling.
- c. Bertanggungjawab menasihati MAIDAM dalam hal ehwal perundangan syarak dan sivil.
- d. Bertanggungjawab mengkaji kesesuaian undang-undang syarak yang sedia ada.
- e. Bertanggungjawab meneliti keputusan mesyuarat yang diputuskan oleh Jawatankuasa Induk Penyelaras Pengukuasaan Undang-Undang Syariah Malaysia mengikut kesesuaian perundangan negeri serta situasi semasa di negeri Terengganu. (Surat MAIDAM. JUP 06-002/06/39).
- f. Bertanggungjawab meneliti pengendalian akaun amanah dan harta di bawah tanggungjawab MAIDAM dari sudut perundangan. (Surat MAIDAM. JUP 06-002/06/39).
- g. Bertanggungjawab melaksanakan fungsi-fungsi yang ditetapkan oleh MAIDAM dari semasa ke semasa.

Ahli Jawatankuasa Lembaga Rayuan Tataterib MAIDAM

08

- | | |
|--|------------|
| 1. YB. Dato' Yang Dipertua, MAIDAM | Pengerusi |
| 2. YBhg. Dato' Wan Abdul Wahab bin Wan Abdullah | Ahli |
| 3. Timbalan Pengerusi, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri | Ahli |
| 4. Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu | Setiausaha |

Tugas :

- Bertanggungjawab menimbang rayuan keputusan Jawatankuasa Kenaikan Pangkat, Tataterib Dan Sumber Manusia MAIDAM.
- Bertanggungjawab dan berkuasa untuk mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan Jawatankuasa Kenaikan Pangkat, Tataterib Dan Sumber Manusia MAIDAM.
- Bertanggungjawab melaksanakan apa-apa fungsi atau tugas yang diarahkan oleh MAIDAM.

Ahli Jawatankuasa Pengawasan Pendidikan Agama Islam MAIDAM

09

- | | |
|--|------------|
| 1. YBhg. Sahibus Samahah Dato' Mufti Negeri Terengganu | Pengerusi |
| 2. YBhg. Prof. Dr. Haji Yusoff bin Mohamad | Ahli |
| 3 YBhg. Dato' Pengelola Bijaya DiRaja | Ahli |
| 4. Timbalan Mufti Negeri Terengganu | Ahli |
| 5. Pengarah Yayasan Islam Terengganu | Ahli |
| 6. YBhg. Dato' Haji Ismail bin Ali | Ahli |
| 7. YBhg. Dr. Ahmad Bazli bin Shafie | Ahli |
| 8. Tuan Haji Kasyfullah bin Abd. Kadir | Ahli |
| 9. Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu | Setiausaha |

Tugas :

- Bertanggungjawab menilai, memilih dan melantik mereka yang berkebolehan serta berkeupayaan untuk menyampaikan pengajaran agama.
- Bertanggungjawab menarik balik kebenaran mengajar yang telah diberikan sekiranya didapati melakukan sebarang kesalahan, kesilapan atau penyelewengan dalam pengajaran agama.
- Bertanggungjawab menjamin kesahihan pengajaran agama yang dikembangkan di seluruh Negeri Terengganu.
- Bertanggungjawab memantau perancangan dan pelaksanaan program Dai'e dan Mua'allim MAIDAM.
- Bertanggungjawab menjalankan apa-apa ujian atau temuduga terhadap orang yang memohon tauliah di bawah Peraturan-Peraturan Tauliah (Terengganu) 2013.
- Bertanggungjawab menetapkan apa-apa terma, syarat dan sekatan semasa sesuatu tauliah dikeluarkan mengikut Peraturan-Peraturan Tauliah (Terengganu) 2013.
- Bertanggungjawab meluluskan dan mengeluarkan apa-apa tauliah sebagaimana yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Tauliah (Terengganu) 2013.
- Bertanggungjawab memberi apa-apa arahan, larangan atau perintah kepada mana-mana Pemegang Tauliah mengikut Peraturan-Peraturan Tauliah (Terengganu) 2013.
- Bertanggungjawab menggantung atau menarik balik mana-mana tauliah yang telah dikeluarkan mengikut Peraturan-Peraturan Tauliah (Terengganu) 2013.
- Bertanggungjawab menasihati dan membuat syor kepada MAIDAM mengenai segala perkara yang berkaitan dengan tauliah mengikut Peraturan-Peraturan Tauliah (Terengganu) 2013.
- Bertanggungjawab melapor dan memperaku tindakan yang wajar diambil oleh MAIDAM berhubung perlakuan atau pelanggaran yang dilakukan oleh Pemegang Tauliah mengikut Peraturan-Peraturan Tauliah (Terengganu) 2013.
- Bertanggungjawab menetapkan format tauliah dan apa-apa fi berhubung dengan pengeluaran tauliah Peraturan-Peraturan Tauliah (Terengganu) 2013.
- Bertanggungjawab melaksanakan apa-apa fungsi lain yang berhubungan atau bersampingan dengan fungsi Jawatankuasa yang disebut dalam Peraturan-Peraturan Tauliah (Terengganu) 2013.

- n. Bertanggungjawab mengeluarkan tauliah mengajar kepada pemohon-pemohon untuk tujuan mengajar agama di Negeri Terengganu.
- o. Bertanggungjawab memantau setiap ajaran yang disampaikan oleh pengajar dan penceramah.
- p. Bertanggungjawab memperakuan untuk memberi tauliah mengajar kepada pemohon yang lulus temuduga.
- q. Bertanggungjawab memperakuan untuk menarik balik tauliah sekiranya berlaku pelanggaran syarat yang telah ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Pemberian Tauliah Mengajar Agama Islam 2006.
- r. Bertanggungjawab melaksanakan apa-apa fungsi dan tugas yang diarahkan oleh MAIDAM.

Ahli Jawatankuasa Zakat MAIDAM

10

	Pengerusi
1. YBhg. Sahibus Samahah Dato' Mufti Negeri Terengganu	Ahli
2. YM. Dato' Dr. Syed Mohammad Salleh bin Syed Yusof Al-Zawawi	Ahli
3. Tuan Haji Wan Abdul Rahim Kamil bin Wan Mohamed Ali	Ahli
4. Tuan Haji Mohamad Zahari bin Harun	Ahli
5. YBhg. Prof. Madya Dr. Basri bin Ibrahim	Ahli
6. Tuan Haji Talib bin Abdul Rahman	Ahli
7. Tuan Haji Hasan bin Mamat	Ahli
8. Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu	Setiausaha

Tugas :

- a. Bertanggungjawab merancang dan memperkemaskan serta mempertingkatkan tadbir urus zakat dari segi pungutan mahupun agihan.
- b. Bertanggungjawab menetapkan kadar zakat fitrah tahunan.
- c. Bertanggungjawab melantik dan menamatkan Amil-Amil.
- d. Bertanggungjawab menimbang dan membuat keputusan terhadap permohonan bantuan zakat sama ada melibatkan kes baharu atau kes rayuan di bawah kategori asnaf Amil, Fakir, Miskin, Ghorimin, Ibnu Sabil, Muallaf dan Fisabilillah tertakluk kepada peraturan dan dasar sedia ada.
- e. Bertanggungjawab melaksanakan fungsi-fungsi yang ditetapkan oleh MAIDAM dari semasa ke semasa.

Ahli Jawatankuasa Konsesi Chenderong dan Wakaf MAIDAM

11

	Pengerusi
1. YB. Dato' Yang Dipertua, MAIDAM	Ahli
2. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang	Ahli
3. Tuan Haji Wan Abdul Rahim Kamil bin Wan Mohamed Ali	Ahli
4. Tuan Haji Mohamad Zahari bin Harun	Ahli
5. YBhg. Dr. Che Omar bin Haji Awang	Ahli
6. YBhg. Prof. Dr. Haji Yusoff bin Mohamad	Ahli
7. Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)	Ahli
8. Pengarah Pejabat Tanah dan Galian	Ahli
9. Ketua Pegawai Syariah BIMB (Tuan Haji Mohd Nazri bin Chik)	Ahli
10. Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu	Setiausaha

Tugas :

- a. Konsesi Chenderong:
 - i. Bertanggungjawab mengkaji dan mengemukakan syor untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan dengan tanah wakaf Konsesi Chenderong.
 - ii. Bertanggungjawab mengkaji kedudukan pemajakan dan pulangan hasil tribute.
 - iii. Bertanggungjawab merancang pembangunan untuk manfaat pewakaf dan penerima hasil wakaf.
 - iv. Bertanggungjawab memastikan wasiat Al Marhumah Tengku Nik Maimunah Hajjah binti Al Marhum Sultan Zainal Abidin dan Al Marhum Tengku Chik bin Tengku Abd. Rahim dilaksanakan dengan sempurna.
- b. Wakaf Dan Baitulmal:
 - i. Bertanggungjawab mengkaji dari semasa ke semasa supaya pengurusan wakaf lebih kemas dan berfungsi termasuk

- merancang dan memajukannya untuk manfaat masyarakat Islam.
- ii. Bertanggungjawab menimbang permohonan pewakafan tanah daripada masyarakat Islam.
 - iii. Bertanggungjawab mengkaji dari semasa ke semasa supaya pengurusan Wakaf dan Baitulmal lebih dinamik.
 - iv. Bertanggungjawab merancang dan memajukan aset-aset Wakaf dan Baitulmal untuk manfaat masyarakat Islam.
 - v. Bertanggungjawab meningkatkan aset-aset Wakaf dan Baitulmal.
 - vi. Bertanggungjawab merancang dan menambahbaik Skim Wakaf Tunai dan Skim Wakaf Korporat termasuk lain-lain skim dari semasa ke semasa.
 - vii. Bertanggungjawab menjalankan usaha mengalakkan masyarakat Islam mengamalkan pewakafan.
- c. Bertanggungjawab melaksanakan fungsi-fungsi yang ditetapkan oleh MAIDAM dari semasa ke semasa.

Ahli Jawatankuasa Teknologi Maklumat MAIDAM

12

1. YBhg. Dato' Wan Abdul Wahab bin Wan Abdullah	Pengerusi
2. Setiausaha Bahagian (Pembangunan Teknologi Maklumat) (UPMN)	Ahli
3. Pengarah Pusat Teknologi Maklumat Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	Ahli
4. Pengarah Pusat Pengurusan Teknologi Maklumat Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	Ahli
5. Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu	Setiausaha

Tugas :

- a. Bertanggungjawab sebagai Penasihat dan Pemangkin dalam merumuskan rancangan dan strategi bagi pembangunan dan juga penggunaan ICT serta internet.
- b. Bertanggungjawab mengesyorkan cadangan pembaharuan, dasar, pelan tindakan pelaksanaan, garis panduan dan piawaian ICT.
- c. Bertanggungjawab menyelaras, memantau dan segala urusan pengoperasian berkaitan dengan pelaksanaan projek pengkomputeran.
- d. Bertanggungjawab memastikan perancangan dan pelaksanaan program ICT dijalankan selaras dengan dasar ICT sektor awam.
- e. Bertanggungjawab mengenalpasti *core competency* yang diperlukan dan mengesyorkan dasar/latihan bagi pelaksanaan program pembangunan dan juga penggunaan ICT.
- f. Bertanggungjawab mengenalpasti program-program untuk mempercepatkan usaha membudayakan ICT.
- g. Bertanggungjawab melaksanakan fungsi-fungsi yang ditetapkan oleh MAIDAM dari semasa ke semasa.

Ahli Jawatankuasa Ar Rahnu MAIDAM

13

1. YB. Dato' Yang Dipertua MAIDAM	Pengerusi
2. YBhg. Sahibus Samahah Dato' Mufti Negeri Terengganu	Ahli
3. Tuan Haji Wan Abdul Rahim Kamil bin Wan Mohamed Ali	Ahli
4. YBhg. Dr. Che Omar bin Haji Awang	Ahli
5. Pengarah Tanah dan Galian Negeri Terengganu	Ahli
6. Ketua Pegawai Syariah BIMB (Tuan Haji Mohd Nazri bin Chik)	Ahli
7. Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu	Setiausaha

Tugas :

- a) Menilai Perkembangan serta mengawal perniagaan dan kewangan Ar Rahnu.
- b) Meluluskan dasar dan polisi di bawah Skim Ar Rahnu.
- c) Mengkaji dan menyelaras aktiviti penyelidikan peningkatan sistem dan produk Ar Rahnu termasuk merancang pengumpulan dan penggunaan dana Ar Rahnu.
- d) Meluluskan program-program pemantapan dan pembangunan Ar Rahnu termasuk pembukaan cawangan baharu.
- e) Bertanggungjawab mengkaji dan menambahbaik Skim Ar Rahnu MAIDAM.
- f) Melaporkan secara berkala aktiviti Ar Rahnu MAIDAM (penebusan/gadaian/lelongan dan lain-lain aktiviti).
- g) Bertanggungjawab melaksanakan apa-apa fungsi dan tugas yang diarahkan oleh MAIDAM.

Jawatankuasa AD HOC MAIDAM

Ahli Jawatankuasa Mengkaji Garis Panduan Bantuan MAIDAM

01

1. Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri Terengganu	Pengerusi
2. YBhg. Dr. Che Omar bin Haji Awang	Ahli
3. Ketua Pegawai Eksekutif, MAIDAM	Ahli
4. Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, MAIDAM	Ahli
5. Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Zakat)	Ahli
6. Penolong Setiausaha (Sosial & Kemanusiaan)	Ahli
7. Penolong Setiausaha (Saudara Kita)	Ahli
8. Penolong Setiausaha (Ekonomi & Pendidikan)	Setiausaha

Tugas :

- Meneliti dan mencadangkan terma bantuan yang telah disediakan oleh pihak pengurusan.

Ahli Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Laluan Internet MAIDAM

02

1. Ketua Pegawai Eksekutif, MAIDAM	Pengerusi
2. Setiausaha Bahagian (Pembangunan Teknologi Maklumat (UPMN))	Ahli
3. Pengarah Pusat Teknologi Maklumat (UniSZA)	Ahli
4. Pengarah Pusat Pengurusan Teknologi Maklumat (UMT)	Ahli
5. Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif	Ahli
6. Ketua Penolong Setiausaha (Khidmat Pengurusan)	Ahli
7. Penolong Kanan Setiausaha (Teknologi Maklumat)	Setiausaha

Tugas :

- Mengkaji dan mencadangkan penggunaan laluan internet di MAIDAM.

Ahli Jawatankuasa Ad Hoc Mengkaji Wakaf Zuriat MAIDAM

03

1. YBhg. Dr. Haji Che Omar bin Haji Awang	Pengerusi
2. YBhg. Prof. Dr. Haji Yusoff bin Mohamad	Ahli
3. Tuan Haji Mohamad Zahari bin Harun	Ahli
4. Ketua Pegawai Eksekutif MAIDAM	Ahli
5. Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MAIDAM	Ahli
6. Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Mal)	Ahli
7. Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Zakat)	Ahli
8. Penolong Setiausaha (Wakaf dan Sumber Am)	Setiausaha

Tugas :


- Mengkaji kaedah sesuai untuk memastikan semua isu berkaitan wakaf zuriat ditangani dengan lebih efisien dan hasil kajian serta cadangan hendaklah dilaporkan kepada Jawatankuasa Konsesi Chenderong dan Wakaf MAIDAM.

Pelantikan Ahli Jawatankuasa-Jawatankuasa Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)

Pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa MAIDAM telah dilaksanakan setelah Ahli-ahli MAIDAM selesai dilantik. Ahli Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut ialah :-

Bil.	Nama Jawatankuasa	Jumlah Ahli	Tempoh Lantikan
1.	Jawatankuasa Kewangan, Pembangunan dan Pelaburan MAIDAM	10 orang	13 Disember 2016 - 12 Disember 2019
2.	Jawatankuasa Kenaikan Pangkat, Tatatertib dan Sumber Manusia MAIDAM	4 orang	13 Disember 2016 - 12 Disember 2019
3.	Jawatankuasa Audit MAIDAM	5 orang	13 Disember 2016 - 12 Disember 2019
4.	Jawatankuasa Hal Ehwal Islam MAIDAM	6 orang	13 Disember 2016 - 12 Disember 2019
5.	Jawatankuasa Panel Peguam Syarie MAIDAM	5 orang	13 Disember 2016 - 12 Disember 2019
6.	Jawatankuasa Perundungan MAIDAM	5 orang	13 Disember 2016 - 12 Disember 2019
7.	Jawatankuasa Lembaga Rayuan Tatatertib MAIDAM	3 orang	13 Disember 2016 - 12 Disember 2019
8.	Jawatankuasa Pengawasan Pendidikan Agama Islam MAIDAM	8 orang	13 Disember 2016 - 12 Disember 2019
9.	Jawatankuasa Zakat MAIDAM	7 orang	13 Disember 2016 - 12 Disember 2019
10.	Jawatankuasa Konsesi Chenderong dan Wakaf MAIDAM	9 orang	13 Disember 2016 - 12 Disember 2019
11.	Jawatankuasa Ar Rahnu MAIDAM	6 orang	13 Disember 2016 - 12 Disember 2019
12.	Jawatankuasa Teknologi Maklumat MAIDAM	4 orang	13 Disember 2016 - 12 Disember 2019

CARTA ORGANISASI MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU



Pengurusan MAIDAM



**YBhg. Dato' Haji Wan Mohd bin
Wan Ibrahim**
Ketua Pegawai Eksekutif



Tuan Haji M. Rozi bin Bidin
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif



En. Mahari bin Abdul Rahman
*Ketua Penolong Setiausaha
(Pengurusan Mal)*



En. Nazli Amirri bin Ngah
*Ketua Penolong Setiausaha
(Pengurusan Zakat)*



Pn. Suhailawati binti Saigai
*Ketua Penolong Setiausaha
(Khidmat Pengurusan)*



En. Mohd Jalil bin Ngah
*Penolong Kanan Setiausaha
(Teknikal)*



En. Ahmad Nordin bin Alias
*Penolong Kanan Setiausaha
(Teknologi Maklumat)*



Pn. Norliza binti Muhd Nor
*Penolong Kanan Setiausaha
(Kewangan)*



En. Hishamliza bin Zakaria
*Penolong Kanan Setiausaha
(Keurusetiaan)*



Tn. Haji Muhammad Juhari bin Ismail
*Penolong Setiausaha
(Pungutan dan Pentadbiran Zakat)*



Tn. Haji Yaacob bin Abdullah
*Penolong Setiausaha
(Pendidikan dan Ekonomi)*



Cik Norhana binti Yaakub
*Penolong Setiausaha
(Kewangan)*




En. Wan Mohd Helmi bin Wan Mohd Samsudin
*Penolong Setiausaha
(Sosial dan Kemanusiaan)*



En. Mohd Ridzuan bin Mohamad
*Penolong Setiausaha
(Wakaf dan Sumber Am)*



Tn. Haji Abdul Halim Lim bin Abdul Rahman
*Penolong Setiausaha
(Dakwah Saudara Kita)*



Pn. Nur Hafiza binti Zamri
Pegawai Undang-undang



Pn. Nurul Ain binti Nordeen
*Penolong Setiausaha
(Pengurusan Harta)*



En. Muhamad Syarif bin Omer
*Penolong Setiausaha
(Wakaf (Zon Utara))*



**Pn. Ummi Sayyidatul Habibah
binti Mat Lazin**
Penolong Setiausaha (Wakaf (Zon Selatan))



**En. Wan Farid Imran
bin Wan A. Latif**
Pengurus Ar-Rahnu MAIDAM



En. Rosli bin Ahmad
Penolong Akauntan (Audit Dalam)



LAPORAN OPERASI



Pengurusan Zakat

Pengurusan Zakat telah dinaiktaraf menjadi Bahagian mulai 1 April 2016 dan ianya diketuai oleh seorang Ketua Penolong Setiausaha. Sejajar dengan perubahan tersebut, Bahagian Pengurusan Zakat mempunyai :

Seksyen Pungutan dan Pentadbiran Zakat;
Seksyen Agihan Zakat; dan
Seksyen Zakat Daerah (Pusat Urusan Zakat Daerah).



Usaha Menyebar Luas Dakwah Zakat

Seksyen Pungutan dan Pentadbiran telah memainkan peranan utama dalam menggalakkan semua orang Islam berkelayakan di Negeri Terengganu untuk menunaikan zakat. Pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi memastikan usaha dakwah dapat terus tersebar luas di kalangan masyarakat Islam khususnya di negeri Terengganu.

Sehubungan dengan itu, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan antaranya melaksanakan dakwah secara turun padang di tempat-tempat tumpuan ramai seperti di pasaraya, pasar-pasar tani serta memberikan taklimat ke pejabat-pejabat kerajaan dan swasta sebanyak 59 kali bagi tahun 2017.

Selain itu, terdapat juga aktiviti dakwah melalui media massa dan billboard telah dilaksanakan di samping media sosial seperti di Facebook dan hasilnya seramai 57,112 orang pembayar telah menunaikan zakat di MAIDAM iaitu peningkatan sebanyak 19% dari tahun sebelumnya.



Mempermudahkan Urusan Bayaran Zakat

Selaras dengan usaha menggalakkan bayaran zakat, pihak pengurusan telah bekerjasama dengan beberapa institusi kewangan untuk menggunakan kemudahan yang ada pada pihak mereka sebagai medium bayaran zakat.

Sehubungan dengan itu, sehingga tahun 2016 beberapa buah bank antaranya Bank Islam, Maybank Islamic, CIMB Islamic, Bank Rakyat, RHB Islamic dan Affin Bank serta Pos Malaysia telah bekerjasama dalam menyediakan kemudahan perbankan internet mereka bagi tujuan bayaran zakat. Hasilnya, seramai 4,719 orang telah menggunakan kemudahan yang disediakan ini.

Selain itu, terdapat kemudahan kaunter bayaran zakat yang disediakan oleh MAIDAM sendiri yang diwujudkan di daerah-daerah yang mana sehingga 2016 terdapat sebanyak sembilan buah kaunter bayaran zakat telah diwujudkan bagi memudahkan urusan

bayaran serta taksiran zakat dan ianya ditambah pula dengan kaunter-kaunter cawangan Pos Malaysia yang beroperasi di seluruh Negeri Terengganu. Buat masa ini, kemudahan pembayaran melalui kaunter menjadi pilihan utama pembayar zakat di Terengganu.

Memandangkan bayaran melalui kaunter mendapat sambutan hangat, MAIDAM telah memperkenalkan perkhidmatan Kaunter Bergerak. Kaunter ini akan berada di tempat-tempat kunjungan ramai di samping pejabat-pejabat kerajaan bagi menyampaikan dakwah, taksiran secara walk-in serta kemudahan bayaran.

Bagi memberi kemudahan orang Islam yang tinggal di kawasan pedalaman, MAIDAM telah melantik amil zakat seramai 758 orang bagi melaksanakan khidmat kutipan zakat sama ada zakat fitrah mahupun zakat harta.

Oleh itu, segala kemudahan dalam usaha untuk mempermudahkan urusan bayaran zakat untuk pelbagai lapisan masyarakat sama ada di bandar atau luar bandar telah dilaksanakan oleh MAIDAM dan usaha ini akan berterusan sejajar dengan perkembangan teknologi masa kini.



Capaian Kemudahan Taksiran Di Mana-mana

Selain menyediakan khidmat taksiran di kaunter-kaunter pejabat, MAIDAM juga telah melantik dua agensi yang bergerak aktif dalam memberi perkhidmatan kepada pelanggan khususnya menerima dan menaksir zakat perniagaan. Agensi-agensi ini diberi tauliah oleh MAIDAM untuk menerima dan menaksir zakat di kalangan pelanggan mereka dan secara tidak langsung sebagai agen untuk menyampaikan dakwah kewajipan berzakat kepada masyarakat. Agen-agen ini dilantik terhad untuk zakat perniagaan sahaja.

Selain itu, khidmat taksiran menerusi atas talian (online) juga disediakan melalui laman web rasmi MAIDAM bagi mereka yang tidak berkesempatan hadir ke pejabat.

Program Pemasaran Penerusan Pembayaran Zakat

Bagi memberi kemudahan khususnya kepada pelanggan yang terdiri daripada kakitangan kerajaan dan swasta, skim bayaran zakat secara ansuran iaitu Skim Potongan Zakat Berjadual (SPZB) telah dilaksanakan dan menerusi skim ini, ianya telah berjaya menarik penyertaan seramai 14,458 orang yang melibatkan 1,197 majikan.

Hasilnya, sejumlah RM137,949,523.03 telah berjaya dikutip sepanjang 2017 dan angka ini bertambah sebanyak 3% dari tahun sebelumnya.

Perbandingan Kutipan Zakat Tahun 2016 dengan 2017

Jenis Zakat	2016 (RM)	2017 (RM)	Beza (RM)	%
Zakat Fitrah	6,037,015.65	6,154,278.60	117,262.95	2
Zakat Harta	6,723,992.96	6,657,784.38	-66,208.58	-1
Zakat Tanaman	439,643.50	354,947.85	-84,695.65	-19
Zakat Wang Simpanan	23,182,351.49	24,655,033.09	1,472,681.60	6
Zakat Ternakan	102,286.60	150,304.83	48,018.23	47
Zakat Perniagaan	30,071,767.98	26,985,337.12	-3,086,430.86	-10
Zakat Emas/Perak	757,372.28	823,213.74	65,841.46	9
Zakat Pendapatan	66,328,142.69	72,168,623.42	5,840,480.73	9
JUMLAH (RM)	133,642,573.15	137,949,523.03	4,306,949.88	3

Kemaskini 12/12/2018

Melaksanakan Agihan Dengan Penuh Berhemat Dan Amanah

Peningkatan kutipan zakat di Terengganu sejajar dengan peningkatan agihan zakat yang diberikan kepada asnaf. MAIDAM sentiasa menambah baik skim-skim yang ada demi kesejahteraan para asnaf. Penambahan skim-skim adalah perlu bagi memenuhi objektif agihan zakat di Negeri Terengganu iaitu :

Meningkatkan taraf sosio ekonomi asnaf serta meringankan bebanan mereka selaras dengan lima komponen Maqasid Syariah iaitu :

- Memelihara agama;
- Memelihara akal fikiran;
- Memelihara nyawa;
- Memelihara keturunan atau maruah; dan
- Memelihara harta benda.

Meningkatkan taraf keintelektualan asnaf melalui program kerohanian, keagamaan, bantuan pendidikan dan pengajian tinggi.

Melahirkan para usahawan yang mampu berdikari dan berdaya saing melalui bantuan modal berdikari dan program keusahawanan.

Mempertahankan serta meningkatkan martabat dan maruah ummah sebagaimana yang dikehendaki oleh syarak.

Objektif-objektif ini didokong berdasarkan prinsip :

Amanah

Wang zakat merupakan amanah yang mesti diurus secara bijaksana, teliti, cekap, tepat, telus dan berhemah tanpa penyelewengan dan keciciran oleh pihak-pihak yang terlibat dalam proses pengagihan kepada asnaf sasaran.

Kebenaran

Agihan wang zakat mestilah dilaksanakan berdasarkan maklumat yang benar melalui kerja-kerja temubual, pengesanan, penyiasatan atau perakuan daripada pihak yang bertanggungjawab agar bertepatan dengan prosedur dan lunas-lunas syarak.

Keutamaan (Aulawiyyat)

Agihan zakat hendaklah dilakukan mengikut keutamaan dari sudut susunan asnaf iaitu fakir, miskin dan amil. Berdasarkan prinsip ini sekiranya peruntukan untuk ketiga-tiga asnaf ini tidak mencukupi, maka pindahan peruntukan dari asnaf yang lain hendaklah dilakukan. Agihan zakat juga perlu mengikut keutamaan kelayakan penerima bantuan walaupun dari kalangan asnaf yang sama.

Menyeluruh

Agihan zakat haruslah dilaksanakan secara menyeluruh kepada asnaf yang berhak dengan mengambil kira prinsip-prinsip yang sedia ada sama ada melalui bantuan wang tunai secara bulanan atau secara one-off berbentuk peralatan atau melaksanakan program dan aktiviti bagi mencapai aspek-aspek berikut :

- Pembangunan sosial;
- Pembangunan ekonomi;
- Pembangunan pendidikan; dan
- Pembangunan kemahiran hidup insan.

Berdasarkan kepada objektif yang dipandu oleh prinsip pengagihan tersebut, pada tahun 2017, sebanyak **RM183,760,534.93** telah berjaya diagih kepada penerima. Perincian agihan mengikut asnaf sebagaimana jadual di bawah :

Asnaf	Jumlah (RM)
Fakir	20,173,453.31
Miskin	74,071,195.85
Amil	15,067,154.83
Muallaf	5,468,852.40
Fisabilillah	845,190.54
Al-Gharimin	1,870,151.61
Ibnu Sabil	66,264,036.39
Riqab	500.00
JUMLAH (RM)	183,760,534.93

Bantuan yang diberikan ini berdasarkan Surah at-Taubah ayat 60. Oleh yang demikian, sebarang permohonan telah mengalami saringan yang ketat dengan dipandu oleh Had Kifayah. Ini termasuklah proses temuduga serta lawatan oleh kakitangan zakat ke rumah-rumah pemohon bagi memastikan maklumat yang diterima tidak bercanggah dengan maklumat pada borang yang diterima.

Namun begitu terdapat sesetengah kes yang kebiasaannya dipohon menerusi agensi-agensi, permohonan tersebut diperhalusi dan ditapis menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Zakat yang dipengerusikan oleh Sahibus Samahah Dato' Mufti Negeri Terengganu bagi memastikan permohonan yang diterima tersebut menepati objektif serta prinsip yang telah digariskan oleh Syarak.

Memandangkan amanah dan tanggungjawab yang diberi untuk melaksanakan pengagihan zakat di Negeri Terengganu, MAIDAM amat komited dalam melaksanakan tanggungjawab serta amanah yang diberi. Sehubungan dengan itu, MAIDAM telah menggariskan skim-skim bantuan kepada empat (4) teras utama iaitu;

1. Sosial dan Kemanusiaan
2. Ekonomi
3. Pendidikan
4. Saudara Kita (Muallaf)



Membangunkan Sosial dan Kemanusiaan

Skim yang berada di bawah program ini meliputi bantuan secara terus dalam bentuk tunai serta kemudahan bagi memastikan kehidupan asnaf terbela. Skim-skim yang diwujudkan di bawah program ini lebih kepada bantuan sara diri dan keluarga dari sudut pencukupan keperluan asas.

Selain itu, terdapat juga skim-skim yang dibentuk untuk membantu agensi-agensi yang bukan kerajaan yang menumpukan kepada pengislahan akidah serta untuk menangani masalah-masalah sosial yang lain.

Ringkasan Data Bantuan Sosial dan Kemanusiaan MAIDAM 2017

Bil.	Skim Bantuan	2017	
		Penerima	RM
1	Bantuan Kewangan / Saraan Bulanan	2,598	10,574,450.00
2	Bantuan Makanan Bulanan	-	-
3	Bantuan Sempena Ramadhan	24,283	12,584,200.00
4	Bantuan Kecemasan / Bencana Alam	18	59,500.00
5	Bantuan Membina Rumah	120	6,435,000.00
6	Bantuan Membaik Pulih Rumah	230	3,851,074.00
7	Bantuan Perubatan	1,820	7,404,204.78
8	Bantuan Hemodialisis	32	637,550.00
9	Bantuan Tambang Hemodialisis	54	
10	Bantuan Sara Hidup	12,052	21,421,930.00
11	Bantuan Serta -Merta	3,612	560,016.55
12	Bantuan Sewa Rumah	422	1,224,184.55
13	Bantuan Pembelian Rumah	13	379,352.60
14	Bantuan Pemurnian Akidah / Pemulihan Akhlak	Baitul Ihsan / Iman	84,845.70
15	Bantuan Pengurusan Rumah Perlindungan Pesakit Kronik / HIV	4	501,120.00
16	Bantuan Pengurusan dan Rawatan di Pusat Hemodialisis	-	-
17	Bantuan Berhutang Untuk Keperluan Asas	269	1,664,150.61
18	Bantuan Hutang Untuk Maslahah Ummah	Mahkamah	200,000.00
19	Bantuan Pengurusan Jenazah Tanpa Waris	7	6,001.00
20	Bantuan Kepada Persatuan / NGO	72	825,713.00
21	Bantuan Pengurusan Rumah Anak Yatim MAIDAM	Darul Akhyar	1,019,550.50
22	Bantuan Pengurusan Rumah Anak Yatim / Warga Tua NGO	5	1,009,760.00
JUMLAH (RM)		45,611	70,442,603.29



YB Dato' Shaikh Harun (YDP MAIDAM) bersama Tuan Haji M Rozi (TKPE) menyampaikan bantuan sempena Ramadhan kepada Asnaf.



Program turun padang bersama masyarakat.

PROGRAM PEMBANGUNAN EKONOMI ASNAF UNIT EKONOMI & KEUSAHAWANAN 2017

1. Pengenalan


- 1.1. Unit Ekonomi & Keusahawanan merupakan unit yang bertanggungjawab dalam melaksanakan dasar-dasar yang telah diputuskan oleh MAIDAM serta bertanggungjawab mengendali dan memproses permohonan-permohonan bantuan Modal Perniagaan atau Modal Berdikari daripada individu-individu yang berkelayakan menurut Garis Panduan Agihan Zakat yang telah ditetapkan. Unit ini diketuai oleh Penolong Setiausaha Ekonomi & Keusahawanan yang di letakkan di bawah Seksyen Agihan Zakat. Secara umumnya, proses urusan bantuan-bantuan ini sedikit berbeza dengan bantuan-bantuan yang lain kerana terdapat satu elemen yang amat penting iaitu tindakan susulan setelah disalurkan bantuan atau "PEMANTAUAN". Elemen pemantauan akan menjadi kayu ukur dalam memastikan kejayaan atau kegagalan dalam membantu penerima bantuan modal. Dalam merealisasikan pengagihan bantuan ini, MAIDAM menyediakan empat (4) bentuk bantuan untuk perniagaan iaitu :
- a. Modal permulaan dalam bentuk wang atau peralatan yang bersesuaian.
 - b. Khidmat nasihat bagi memantapkan lagi urusan perniagaan.
 - c. Kursus asas dan lanjutan keusahawanan agar peniaga memahami selok belok perniagaan yang diusahakan.
 - d. Modal pusingan agar para peniaga mampu terus bersaing di pasaran.
- 1.2. Dalam memastikan bantuan modal yang diberikan kepada para asnaf akan dimanfaatkan sebaik mungkin, lima (5) perkara atau sebab penting perlu dinilai dengan teliti iaitu:
- a. Tergolong asnaf fakir/miskin.
 - b. Memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
 - c. Perniagaan / pekerjaan tersebut berpotensi untuk bertahan atau maju.
 - d. Mempunyai kemahiran / kepandaian dalam bidang tersebut.
 - e. Tidak mempunyai rekod buruk seperti menjual peralatan bantuan dan lain-lain.

2. Laporan Umum Pengagihan Bantuan Modal Kepada Asnaf

- 2.1. Pada tahun 2017, MAIDAM telah menyalurkan pelbagai bantuan modal bagi meringankan bebanan golongan asnaf fakir miskin mengikut bidang perniagaan serta kemahiran / kepandaian yang mereka miliki sebagaimana berikut:

Bil.	Skim Bantuan	Penerima	Jumlah (RM)
1	Gerai Makanan	211	568,500.58
2	Kedai Makan	161	484,204.52
3	Kuih Tradisional	128	382,394.48
4	Jahitan	99	288,796.00
5.	Barang Basah	63	155,600.00
6	Peralatan Nelayan	60	669,449.56
8	Kedai Runcit	52	148,278.00
9	Keropok	33	123,000.00
10	Makanan Segera	32	104,810.00
11	Pasar Malam	29	85,500.00
12	Pertanian	25	93,563.40

13	Bengkel Kereta	24	106,500.00
14	Pertukangan Rumah	24	95,869.32
15	Motor Menjaja	22	131,520.85
16	Penternakan	20	67,000.00
17	Bengkel Motor	19	73,500.00
18.	Kimpalan	17	56,875.00
19.	Kek & Roti	11	38,200.00
20.	Produk Kesihatan	11	32,800.00
21.	Buah-buahan	7	19,000.00
22.	Nasi Bajet	6	14,500.00
23.	Tukang Kasut	5	11,000.00
24.	Kedai Pakaian	4	17,000.00
25.	Saloon	4	15,500.00
26.	Kedai Bundle	4	14,000.00
27.	Telekomunikasi	4	13,100.00
28.	Kedai Dobi	4	13,000.00
29.	Solekan	4	11,000.00
30.	Alat Tulis	4	10,500.00
31.	Kedai Kusyen	3	13,000.00
32.	Gunting Rambut	3	8,000.00
33.	Tenunan Songket	3	7,500.00
34.	Kerja Elektrik	2	6,500.00
35.	Basuh Kereta	2	6,000.00
36.	Kraftangan	1	5,000.00
37.	Mesin Rumput	1	3,000.00
38.	Barangan Mainan	1	3,000.00
JUMLAH (RM)		1,103	3,892,461.70



2.2 Agihan bantuan modal mengikut daerah

Bil.	Daerah	Jumlah Penerima	Peruntukan (RM)
1	Kuala Terengganu	410	1,325,011.95
2	Kuala Nerus	262	929,534.60
3	Marang	248	976,561.50
4	Hulu Terengganu	80	194,283.42
5	Kemaman	42	324,693.56
6	Dungun	36	94,218.00
7	Besut	17	79,830.12
8	Setiu	8	26,604.00
JUMLAH (RM)		1,103	3,950,737.15



Bil.	Tahun	Jumlah Perbelanjaan (RM)
1	2011	389,960.00
2	2012	781,385.00
3	2013	899,911.00
4	2014	1,422,167.80
5	2015	3,122,112.86
6	2016	5,956,389.25
7	2017	3,950,737.15

4. Laporan Pemantauan Penerima Bantuan Modal Perniagaan

- 4.1 Penerima bantuan modal perniagaan akan dilakukan pemantauan secara berkala sekurang-kurangnya sekali bagi setiap permohonan dan bantuan yang diterima. Pemantauan juga dijalankan jika sekiranya terdapat permohonan kali kedua dan seterusnya. Pemantauan yang dijalankan akan melihat perjalanan perniagaan sama ada perniagaan tersebut masih wujud dan boleh dikembangkan serta boleh diberikan tambahan bantuan modal berdasarkan keperluan semasa.
- 4.2 Hasil pemantauan yang dijalankan terhadap penerima bantuan akan dibuat pengesyoran sama ada untuk tambahan bantuan modal bagi mengembangkan perniagaan atau menghadiri kursus-kursus yang bersesuaian dengan mereka. Bagi tahun 2017, penerima bantuan modal perniagaan adalah seramai 837 penerima orang dengan jumlah perbelanjaan sebanyak 2,583,512.10. Bagi tahun 2016, seramai 318 orang penerima telah dilakukan pemantauan. Manakala bagi tahun 2017, sebanyak 489 pemantauan dilakukan. Prestasi perniagaan yang dilakukan pemantauan adalah sebagaimana berikut:

Prestasi Perniagaan	2016	Peratusan	2017	Peratusan
Maju	36	11.32%	48	9.81
Sederhana Maju	204	64.15%	276	56.43
Mampu Bertahan	45	14.15%	95	19.42
Kurang Maju	5	1.58%	20	4.0
Berhenti Berniaga	28	8.80%	56	11.4
Jumlah Keseluruhan	318	100%	489	100%

Succes Story 2017

4.3.1 Mohd Nidzuan bin Daud

Pemohon berusia 35 tahun, isteri sebagai suri rumah, mempunyai 2 orang anak. Pemohon sebelum ini bekerja sebagai mekanik kereta dengan gaji bulanan RM1200. Beliau kini dapat membuka bengkel kereta sendiri sejak 2 tahun lalu dengan bantuan MAIDAM yang diterima sebanyak RM13,000. Bantuan yang diberikan adalah secara berperingkat-peringkat. Beliau kini dibantu oleh seorang pekerja secara sambilan bergantung kepada keperluan. Pendapatan pemohon kini adalah sekitar RM3000 sebulan bergantung kepada permintaan. Bantuan MAIDAM yang diberikan kepada pemohon dapat membolehkan beliau berdikari dan bekerja sendiri. Bantuan tersebut juga dapat membantu pemohon untuk menambahkan pendapatannya seterusnya dapat mengeluarkan pemohon dari kemiskinan.




4.3.2 Zulkifli bin Long

Pemohon dan isteri menjalankan perniagaan baikpulih kusyen dan perabot, mempunyai 4 orang anak, semuanya masih belajar. Mendapat bantuan modal MAIDAM sebanyak RM4000 untuk membayar deposit kedai sewa bagi membuka perniagaan sendiri. Menjalankan perniagaan baikpulih kusyen dan perabot sejak Januari 2017. Beliau sebelum ini hanya bekerja dengan majikan dengan pendapatan RM1500. Bantuan yang diberikan dapat membantu pemohon untuk membuka perniagaan sendiri dan berdikari dalam mencari pendapatan. Pendapatan beliau kini adalah sekitar RM2000-RM4000 sebulan.



4.3.3 Rezuan bin Mohamad

Berusia 35 tahun, isteri sebagai suri rumah, mempunyai 3 orang anak. Tinggal di rumah sewa. Membuka bengkel mengecat kenderaan di bangunan MARA di Kawasan Perindustrian Chendering sejak setahun yang lalu. Mendapat bantuan modal MAIDAM sebanyak RM11,000 untuk membeli peralatan bengkel dan modal pusingan. Bantuan tersebut diberikan secara berperingkat berdasarkan pemantauan yang dilakukan. Pendapatan yang diperolehi sekarang ialah sekitar RM3000-RM4000 sebulan. Beliau juga kini sudah mampu untuk mengupah 2 orang pekerja sepenuh masa memandangkan tidak menang tangan memenuhi permintaan pelanggan.



4.3.4 Mohd Zulkaini bin Mustaffa

Pemohon berusia 33 tahun, mempunyai 3 orang anak, tinggal dirumah sewa, isteri suri rumah sepuh masa. Mendapat bantuan sebuah motosikal roda tiga dan modal pusingan sebanyak RM5,000. Beliau menjaja air minuman di kawasan tumpuan orang ramai seperti kawasan rekreasi dan sekitar pasar. Beliau sebelum ini bekerja sebagai penjual donat dengan upah RM30 sehari. Berniaga 7 hari seminggu, kadar jualan sehari sekitar RM150-RM300, pendapatan bersih sebulan sekitar RM1500-RM3000. Dengan bantuan yang diberikan beliau mampu untuk berdikari untuk mencari pendapatan sendiri.



4.3.5 Ani binti Ngah

Pemohon berusia 51 tahun, suami bekerja mekanik kereta, mempunyai 4 orang anak, 2 orang masih belajar. Mengusahakan perniagaan roti keramat. Menerima bantuan membina sebuah tempat yang khusus bagi membuat roti keramat dan sebuah peti sejuk. Bantuan yang diberikan sebanyak RM8,200. Produk yang dihasilkan dijual secara runcit dan borong kepada pengusaha. Sebelum menerima bantuan, pemohon hanya mengusahakan perniagaannya secara kecil-kecilan sahaja berikutan tempat yang sempit dan tiada kemudahan lain. Kini produk yang dihasilkan sudah menembusi pasaran pasaraya seperti Sabasun. Dengan bantuan yang diberikan pemohon dapat meluaskan perniagaannya dan dapat menerima tempahan yang banyak. Anggaran pendapatan sekarang ialah sekitar RM2000-RM3000 sebulan.



5. Kursus-kursus Yang Dijalankan

- 5.1 Bermula pada tahun ini Pengurusan Agihan Zakat MAIDAM telah mengambil inisiatif dengan mewajibkan setiap pemohon yang diluluskan bantuan modal mengikuti kursus terlebih dahulu sebelum disalurkan bantuan. Langkah ini bertujuan untuk memastikan bantuan yang disalurkan akan dimanfaatkan sebaik mungkin serta penerima tersebut bersedia sebagai seorang peniaga muslim yang bersemangat tinggi serta jati diri yang kukuh. Mereka juga perlu mempunyai ilmu yang mantap dalam bidang perniagaan seperti perancangan perniagaan, pengeluaran produk, kualiti produk, pembungkusan, pelebaran, pemasaran, urusan kewangan dan lain-lain. Kursus yang berjaya dilaksanakan seperti berikut:

Bil.	Kursus	Jumlah Peserta	Kerjasama
1	Kursus Transformasi Minda Usahawan Asnaf Zakat 10 siri	1,030 Orang	TQHM Consultant
2	Kursus Pemprosesan Makanan & Minuman 2 siri	50 Orang	Saidati Jaya Berkat Enterprise
3	Kursus Pemasaran Online/Media Sosial	28 Orang	Kolej Komuniti Kuala Terengganu
4	Kursus Penyediaan Makanan Sejuk Beku (Frozen)	30 Orang	Kolej Komuniti Kuala Terengganu
5	Kursus Penjenamaan, Pembungkusan, Dan Pelabelan	28 Orang	Kolej Komuniti Kuala Terengganu
6	Kursus Latihan Pengendali Makanan 2 siri	54 Orang	TESDEC
7	Kursus Penghasilan Biskut Raya	20 Orang	Kolej Komuniti Kuala Terengganu
8	Kursus Jahitan Langsir	15 Orang	Kolej Komuniti Kuala Terengganu
9	Kursus Pembuatan Kek	20 Orang	Citarasa Zara Enterprise
10	Kursus Pembuatan Biskut Raya	20 Orang	Citarasa Zara Enterprise

6. Kursus Dan Latihan Kepada Anak-anak Asnaf

6.1.1 Kursus Kulinari

Bil	Kursus	Kerjasama / Tempat	siri	Tempoh Kursus	Jumlah Peserta
1.	Kulinari	Akademi Kulinari Terengganu Marang 2 siri	2 siri	6 Bulan	60
2.	Juruteknik Komponan Pesawat	Admal Aviation Collage	3 siri	8 bulan	83



Pendaftaran anak-anak asnaf untuk Kursus Juruteknik Komponen Pesawat di Admal Aviation College.



Kursus pembuatan kuih raya kepada penerima bantuan modal yang diadakan dengan kerjasama Kolej Komuniti Kuala Terengganu.



Taklimat dan temuduga Kursus Juruteknik Komponen Pesawat untuk anak-anak asnaf.



Kursus pengendali makanan kepada penerima bantuan modal (kedai makan & makanan) dengan kerjasama kolej TESDEC yang diadakan di Perpustakaan Awam Terengganu.



Kursus Pelabelan Makanan kepada penerima bantuan modal (makanan) yang diadakan dengan kerjasama Kolej Komuniti Kuala Terengganu.



Kursus Pemasaran Secara Online kepada penerima bantuan modal dengan kerjasama Kolej Komuniti Kuala Terengganu.



Program pembangunan keluarga TTB kepada asnaf zakat yang diadakan dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Keluarga di Kompleks Desa Taqwa, Telemong.



Kursus Pembuatan Sos Cili kepada penerima bantuan modal yang diadakan dengan kerjasama Saidati Jaya Berkat Enterprise



Kursus Pembuatan Mee Kuning kepada penerima bantuan modal yang diadakan dengan kerjasama Saidati Jaya Berkat Enterprise



Majlis menandatangani perjanjian hak milik guna kepada penerima bantuan modal berdikari (peralatan).



Kursus Transformasi Minda Usahawan Asnaf Zakat yang dijalankan setiap bulan kepada bakal penerima bantuan modal dengan kerjasama TQHM Consultant.



Kursus Pembuatan Kuih Raya kepada penerima bantuan modal yang diadakan dengan kerjasama Citarasa Zara Enterprise di Pusat Kemahiran Kemas Padang Hiliran.



Kursus Jahitan Langsir kepada penerima bantuan modal (mesin jahit) yang diadakan dengan kerjasama Kolej Komuniti Kuala Terengganu.



Majlis penyerahan bantuan modal niaga yang disempurnakan oleh Yang Dipertua MAIDAM.

Program Bantuan Pendidikan Di Bawah Fisabilillah

UNIT PENDIDIKAN & PENGAJIAN TINGGI 2017


1. Pengenalan

- 1.1. Unit Pendidikan & Pengajian Tinggi merupakan unit yang bertanggungjawab dalam melaksanakan dasar-dasar yang telah diputuskan oleh MAIDAM serta bertanggungjawab mengendali dan memproses permohonan-permohonan bantuan pendidikan dan pengajian tinggi sama ada daripada individu-individu atau organisasi menurut Garis Panduan Agihan Zakat yang telah ditetapkan. Unit ini diketuai oleh Penolong Setiausaha Pendidikan & Pengajian Tinggi yang diletakkan di bawah Seksyen Agihan Zakat.
- 1.2. Peranan unit ini amat besar dalam membantu meringankan bebanan para ibu bapa, para pelajar dan agensi-agensi dalam menampung kos keperluan pendidikan dan aktiviti keagamaan yang diperlukan. Justeru itu, MAIDAM selaku pihak yang bertanggungjawab mengagihkan bantuan zakat kepada para penuntut ilmu telah menyediakan pelbagai jenis bantuan sama ada yang melibatkan pelajar persendirian atau tajaan di universiti-universiti dalam dan luar negara.

2. Laporan Umum Pengagihan Bantuan Pendidikan & Pengajian Tinggi

- 2.1. MAIDAM telah menyediakan bantuan zakat kepada pelajar IPTA/IPTS di semua peringkat pengajian sama ada peringkat Sijil, Diploma, Ijazah Pertama, Sarjana, dan PHD. Bantuan tersebut disalurkan melalui asnaf Fisabilillah. Manakala di peringkat rendah, menengah, pondok, institusi, dan agensi-agensi juga disediakan sebagaimana maklumat berikut :-

Bil.	Bantuan	2017	
		Penerima / Bayaran	RM
1	Bantuan Awal Pengajian Dalam Negara	13,773	11,605,700.00
2	Bantuan Awal Pengajian Luar Negara	173	325,800.00
3	Bantuan Dermasiswa / Bantuan Am Dalam Negara	23,108	22,059,626.00
4	Bantuan Dermasiswa / Bantuan Am Luar Negara	583	3,451,500.00
5	Bantuan Tambang Penerangan Dalam Negara	13	9,400.00
6	Bantuan Tambang Penerangan Luar Negara	37	59,300.00
7	Bantuan Program IPT	10	52,050.00
8	Bantuan Tabung Kebajikan Pelajar IPT	9	405,000.00
9	Program Memartabatkan Institusi Ulama'	12	269,838.00
10	Bantuan Persekolahan	2,680	4,319,400.00
11	Bantuan Kem Akademik / Keagamaan Di Sekolah	594	1,482,923.00
12	Bantuan Tabung Pondok	21	1,008,500.00
13	Bantuan Forum / Ceramah Agama (JHEAT)	96	5,646,692.61
14	Tabung Pendidikan Luar Negara (YT)	5	193,152.81
JUMLAH		41,114	50,888,882.42



3. Perbezaan Agihan Bantuan Pendidikan & Pengajian Tinggi Berdasarkan Tahun.

Bil.	Tahun	Belanja (RM)
1	2011	19,133,458.36
2	2012	22,359,239.80
3	2013	11,656,525.00
4	2014	5,072,020.00
5	2015	20,708,263.32
6	2016	40,678,633.55
7	2017	50,888,882.42



4. Perincian laporan bantuan-bantuan utama di bawah Unit Pendidikan & Pengajian Tinggi.

4.1. Laporan Pengagihan Bantuan Dermasiswa/ Bantuan Am IPTA/IPTS 2017

a. Bantuan Dermasiswa / Bantuan Am berdasarkan negara.

Bil.	Negara	Penerima	RM
1	Malaysia	22,525	18,608,126.00
2	Australia	-	-
3	Mesir	329	2,082,500.00
4	Indonesia	130	480,000.00
5	Jordan	87	738,000.00
6	Morocco	7	45,000.00
7	Negara Eropah	9	49,000.00
8	Sudan	12	24,000.00
9	Yaman	2	4,000.00
10	India	-	-
11	Lain-lain Negara	7	29,000
JUMLAH		23,108	22,059,626.00

b. Bantuan Dermasiswa / Bantuan Am Dalam dan Luar Negara berdasarkan daerah.

Bil.	Negara	Penerima	RM
1	Kuala Terengganu	8,368	8,200,926.00
2	Hulu Terengganu	1,493	1,438,800.00
3	Kemaman	3,308	3,021,500.00
4	Dungun	3,030	2,827,000.00
5	Marang	2,640	2,481,000.00
6	Besut	3,214	3,097,900.00
7	Setiu	1,055	992,500.00
JUMLAH		23,108	22,059,626.00

4.2. Laporan Pengagihan Bantuan Awal Pengajian IPTA / IPTS 2017

a. Bantuan Awal Pengajian berdasarkan Negara.

Bil.	Negara	Penerima	RM
1	Malaysia	13,773	11,605,900.00
2	Australia	9	18,000.00
3	Mesir	51	102,000.00
4	Indonesia	47	94,000.00
5	Jordan	10	20,500.00
6	Negara Eropah	15	33,000.00
7	Lain-lain Negara	37	94,600.00
8	Afrika	1	2,000.00
9	India	2	4,000.00
JUMLAH		13,946	11,931,500.00

b. Bantuan Awal Pengajian dalam dan luar Negara berdasarkan daerah

Bil.	Negara	Penerima	RM
1	Kuala Terengganu	5,301	4,645,000
2	Hulu Terengganu	817	691,400
3	Kemaman	1,757	1,476,600
4	Dungun	1,634	1,386,100
5	Marang	1,542	1,291,800
6	Besut	2,016	1,735,200
7	Setiu	540	457,400
8	Kerteh	339	290,800
JUMLAH		13,946	11,931,500.00

4.3. Laporan Program Memartabatkan Institusi Ulama' / Cendekiawan Islam

a. Program ini diwujudkan bagi membina kembali **Institusi Ulama'** sebagai institusi yang berwibawa dengan merangka satu gugusan ciri-ciri ulama' yang standard, memenuhi piawaian dan dapat diterima oleh semua golongan denganhasrat mengembalikan institusi tersebut kepada martabatnya dan mampu memimpin umat ke jalan yang benar dan diredhai Allah (s.w.t). Melalui program ini, para pelajar berpeluang menyambung pengajian di peringkat ijazah Sarjana Muda sehingga ke peringkat PHD di bawah tajaan MAIDAM. Ringkasan maklumat seperti berikut:

Bil.	Sesi	Jumlah Pelajar	Ijazah Pertama	Pelajar master	Pelajar PhD	Tidak Sambung Master
1	2010/11	5	Semua tamat	2	Dalam proses	2 Orang
2	2011/12	8	Semua tamat	7	-	Seorang
3	Asal Al-Ansar 2011/12 & 2012/2013	6	Semua tamat	6	Dalam proses	-
4	2016/17	7	Tahun 2	-	-	-
5	2017/18	5	Tahun 1	-	-	-
JUMLAH		31		15	-	-

i. Sekilas aktiviti di bawah Unit Pendidikan & Pengajian Tinggi.



Program Insaniah Gen-T TN50 dengan kerjasama MAIDAM - Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu yang mensasarkan pelajar-pelajar yang mempunyai masalah disiplin pada 2017



Program penyerahan bantuan Tabung Kebajikan Pelajar Terengganu sebanyak RM45,000.00 setahun melalui Persatuan Mahasiswa Terengganu Jordan pada September 2017.



Program perjumpaan bersama pelajar Program Memartabatkan Institusi Ulama yang pulang bercuti pada Ogos 2017



Program penyerahan Sijil Tamat Kursus Persediaan Menyambung pengajian ke Universiti di Jordan kepada pelajar-pelajar Program Memartabatkan Institusi Ulama, dengan kerjasama UniSZA pada Ogos 2017.



Program penghantaran 5 orang pelajar Program Memartabatkan Institusi Ulama ke Universiti di Jordan pada September 2017

Saudara Kita (Muallaf) Disantuni

Pelbagai program telah dilaksanakan bagi memastikan nasib golongan saudara kita sentiasa terbaik yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM2.5 juta. Pada tahun 2017, skim-skim dibentuk setelah mengambil kira keperluan kehidupan mereka. Antara skim-skim tersebut adalah :

Bil.	Jenis Bantuan	Bilangan Penerima
1	Bantuan Sempena Ramadhan	430
2	Bantuan Kewangan Bulanan	39
3	Bantuan Saguhati Galakan Saudara Baharu	31
4	Bantuan Perubatan	67
5	Bantuan Perkahwinan	16
6	Bantuan Pembinaan Rumah Individu	-
7	Bantuan Membaikpulih Rumah	-
8	Bantuan Sewa Rumah	11
9	Bantuan Modal Untuk Perniagaan	44
10	Bantuan Pengurusan Jenazah Muallaf	4
11	Bantuan Kecemasan / Kebakaran / Bencana Alam	1
12	Bantuan Sara Hidup	197
13	Bantuan Persekolahan	1
14	Bantuan Awal Pengajian	1
15	Bantuan Dermasiswa IPT	27
16	Bantuan Serta-Merta	321
JUMLAH		1,190

Pemantapan Pemahaman Terhadap Agama Islam

MAIDAM juga bertanggungjawab dalam mengendalikan kelas-kelas fardhu ain, bengkel-bengkel dan kursus-kursus pemantapan fardhu ain termasuk mengaji al-Quran khusus untuk golongan ini. Setelah itu, untuk mengukur keberkesanannya, program-program yang telah dijalankan, MAIDAM menganjurkan pertandingan untuk menilai serta melihat kebolehan serta pemahaman peserta terhadap pengetahuan yang berkaitan dengan fardhu ain. Ini adalah penting bagi memastikan setiap muallaf yang memeluk agama Islam mendapat bimbingan yang mencukupi daripada tenaga pengajar yang terlatih dan berpengetahuan. Skim-skim yang dibentuk bagi tujuan ini adalah :

Bil.	Jenis Bantuan	Kekerapan
1	Bantuan Kursus / Latihan	14
2	Bantuan Program Ceramah Muallaf	19
3	Bantuan Program Tilawah / Hafazan Al-Quran	5
JUMLAH		38

Bagi tujuan tersebut pelbagai program telah dilaksanakan antaranya :

i. Taklimat / Ceramah / Tilawah / Seminar

Bil.	Tarikh	Jenis Bantuan
1	11/2/2017	Majlis Tautan Kasih Tahun Baharu Cina 2017 Saudara Kita Negeri Terengganu
2	18/2/2017	Majlis Tautan Kasih Saudara Kita Daerah Kemaman Anjuran PAD Kemaman dan PPINT
3	19/2/2017	Majlis Penyerahan Kelengkapan Ibadat & Prihatin Pendidikan
4	6/6/2017	Majlis Iftar Peringkat Negeri & Penyampaian Bantuan Zakat Sempena Ramadhan 1438H/2017M Saudara Kita Negeri Terengganu
5	7/6/2017	Majlis Iftar Peringkat Daerah & Penyampaian Bantuan Zakat Sempena Ramadhan 1438H / 2017M Saudara Kita / Masyarakat Orang Asli Negeri Terengganu
	8/6/2017	
	9/6/2017	
	14/6/2017	
	15/6/2017	
	16/6/2017	
	17/6/2017	
	21/6/2017	
6	8/7/2017	Majlis Sambutan Hari Raya Bersama Saudara Kita Daerah Kuala Terengganu dan Marang
7	14/7/2017	Majlis Sambutan Hari Raya Bersama Saudara Kita Daerah Setiu
8	17/7/2017	Majlis Sambutan Hari Raya Bersama Saudara Kita Masyarakat Orang Asli Sg. Berua
9	20/7/2017	Majlis Sambutan Hari Raya Saudara Kita Daerah Hulu Terengganu
10		Majlis Sambutan Hari Raya Saudara Kita Daerah Hulu Terengganu
11	21/7/2017	Majlis Sambutan Hari Raya Saudara Kita Daerah Hulu Terengganu Majlis Penghayatan Syawal Daerah Besut
12		Majlis Aidilfitri & Penghayatan Syawal Saudara Kita Daerah Dungun 1428H / 2017M
13		Majlis Sambutan Hari Raya Saudara Kita Daerah Kemaman
14	3/9/2017	Majlis Ibadah Korban 1438H/2017M bersama Saudara Kita Daerah Setiu
15	4/9/2017	Majlis Ibadah Korban 1438H/2017M Bersama Saudara Kita Daerah Dungun
16		Majlis Ibadah Korban 1438H/2017M Bersama Saudara Kita Masyarakat Orang Asli Sg. Pergam, Kemaman
17	14/12/2017	Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Daerah Marang
18	26/12/2017	Taklimat Guru & Kelas Baharu Kelas Bimbingan Saudara Kita & Kelas Bimbingan al-Quran Saudara Kita

ii. Bengkel / Kursus / Lawatan

Bil.	Tarikh	Jenis Bantuan
1	19 - 21/1/2017	Bengkel Penilaian Aktiviti 2016 & Bengkel Strategik Tahun 2017 Dakwah Saudara Kita / Orang Asli Negeri Terengganu
2	29/1/2017	Program Santuni Saudara Kita Sempena Sambutan Tahun Baru Cina Anjuran MAIDAM dan PAD Setiu dengan Kerjasama Islamic Outreach ABIM
3	22/2/2017	Program Kursus Pengurusan Jenazah Bagi Masyarakat Orang Asli Sungai Berua, Hulu Terengganu
4	06/3/2017	Kursus Pengurusan Jenazah Masyarakat Orang Asli Sg. Pergam, Kemaman
5	9 - 11/3/2017	Kem Mahrajan Amal Islami Peringkat Kebangsaan Tahun 2017 (Saringan Peringkat Negeri)
6	9 - 11/3/2017	Kursus Intensif Umrah Kepada Saudara Kita Tajaan MAIDAM
7	23 - 25/3/2017	Kem Mahrajan Amal Islami Peringkat Kebangsaan Tahun 2017 (Saringan Akhir Peringkat Negeri)
8	01/4/2017	Kursus Fiqah Islamiyyah Siri 1/2017(Asas Fiqah Wanita) Saudara Kita Daerah Kuala Terengganu Dan Marang
9	22/5/2017	Program Penyembelihan Bersama Masyarakat Orang Asli Sg. Berua 2017M Daerah Hulu Terengganu
10	24/5/2017	Kuliah Maghrib Perdana “Aku Merinduimu Ramadhan” 2017M Daerah Hulu Terengganu
11	11 - 23/6/2017	Program Ihya' Ramadhan 2017M/1438H
12	28/5 - 25/6/17	Program Ihya' Ramadhan
13	18/7/2017	Kursus Persediaan Mengajar Guru-Guru Kelas Bimbingan & Al-Quran Saudara Kita
14	26/7/2017	Program Aildilfitri Saudara Kita Orang Asli Sg. Sayap, Besut
15	1/8/2017	Program Kerohanian Masyarakat Orang Asli Perkampungan Sg. Berua
16	26/8/2017	Program Pemantapan Diri Dan Keluarga “Serasi Bersama” Saudara Kita Daerah Dungun
17	3/9/2017	Ibadah Korban Saudara Kita Negeri Terengganu
18	19/9/2017	Kem Smart Solat Saudara Kita Daerah Besut
19	26/9/2017	Program Bicara Maal Hijrah 1439H Saudara Kita Daerah Kuala Terengganu, Marang & Kuala Nerus
20	20/10/2017	Program Bubur Asyura Saudara Kita Daerah Kemaman
21	23 - 27/10/2017	Kursus Jati Diri Muslim Saudara Kita Di Melaka & Lawatan Ukhuwah Ke Masjid Cina Melaka Bersama Muallaf/Saudara Kita Kompleks Darul Huda

iii. Kerjasama Dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)

Bil.	Tarikh	Jenis Bantuan
1	6/5/2017	Program Cara Mudah Memahami Al-Quran Sempena Sambutan Peristiwa Israk Mikraj 2017 (MACMA)
2	28 - 31/7/2017	Latihan Pusat Karnival Dakwah Murid Orang Asli Peringkat Kebangsaan 2017 (PERKIDS)
3	21/10/2017	Seminar Kaedah Haraqi Saudara Kita 2017 (MACMA)
4	5 - 7/10/2017	Lawatan Sambil Belajar Saudara Kita Ke Kuala Lumpur, Selangor & Perak (MACMA)
5	9/11/2017	Program Ceramah Maal Hijrah & Bicara Minda Saudara Kita Daerah Kemaman (PPINT)
6	15/12/2017	Majlis Sambutan Maulidur Rasul Saudara Kita 2017M/1439H (PPINT)
7	7/12/2017	Pertandingan Selawat Berkumpulan An Pertandingan Sepanduk Sempena Sambutan Maulidur Rasul 2017M/1438H (PPINT)

Latihan Kepada Bakal-bakal Kader Di Kalangan Saudara Kita

Bagi memastikan ilmu yang berkaitan pemantapan agama Islam berkembang di kalangan mereka, MAIDAM telah menghantar beberapa orang Saudara Kita yang telah dikenalpasti untuk menimba pengetahuan di beberapa tempat latihan antaranya :

- i. Institut Dakwah Islamiyah PERKIM (IDIP), Pengkalan Chepa
- ii. Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (PUSBA), Sungai Petani
- iii. Program Pembangunan Tamadun Masyarakat Asli (PETAMA), Kuantan

MAIDAM menyalurkan pelbagai bantuan bagi memastikan anak-anak Orang Asli mendapat pendidikan yang sempurna dengan mengadakan sebagaimana di bawah. Program sepanjang tahun 2017 bagi tujuan tersebut adalah :

Bil	Tarikh	Penerima	Tempat
1	Januari - November 2017	Bantuan Makan Tengahari Murid Sekolah Kebangsaan Sg. Berua	SK Sungai Berua, Kuala Berang
2	Januari - November 2017	Bantuan Makan Tengahari Murid Sekolah Kebangsaan Sg. Pergam	SK Sungai Pergam, Kemaman
3	22/2/2017	Program Kursus Pengurusan Jenazah Bagi Masyarakat Orang Asli Sungai Berua, Hulu Terengganu	Surau Kg. Orang Asli Sg. Berua
4	24-27/4/2017	Program Minggu Panitia Pendidikan Islam (MANIS 2017)	SK Sungai Berua, Kuala Berang



Dalam usaha memantapkan lagi kefahaman tentang Islam dalam kalangan Saudara Kita. MAIDAM terus merangka program-program dan lawatan-lawatan yang berbentuk pengisian rohani serta bimbingan ilmu. Antara program dan lawatan yang telah dilaksanakan tersebut adalah :

Bil.	Tarikh	Daerah	Sasaran	Bajet Yang Diluluskan
PROGRAM ZIARAH ISLAHIYYAH				
1.	Sepanjang bulan Rabiulawal	Kuala Terengganu	35 orang	RM29,000.00
2.		Kuala Nerus	20 orang	
3.		Marang	25 orang	
4.		Dungun	20 orang	
5.		Kemaman	30 orang	
6.		Setiu	20 orang	
7.		Besut	30 orang	
8.		Hulu Terengganu	20 orang	
JUMLAH			200 Orang	

Lawatan Tetamu Ke Unit Dakwah Saudara Kita

Bil.	Tarikh	Program	Tempat	Bajet Yang Diluluskan	Jumlah Peserta
1.	22/11/2017	Lawatan Mahabbah Sambil Belajar Saudara Kita Orang Asli Kawasan Simpang Pulai, Perak (anjuran Pejabat Agama Islam Daerah Ipoh)	Terengganu & Kelantan	RM1,945.00	50

Pengurusan Mal

Laporan Tahunan Wakaf

A. Dasar & Perundangan

1. Pemerkasaan wakaf MAIDAM dari sudut perundangan berjaya dilaksanakan, pada awalnya, perundangan wakaf telah lama termaktub dalam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam Terengganu iaitu sejak 1955 (Seksyen 59-65), 1986 (Seksyen 143-148) dan 2001 (63-69). Selaras perkembangan perundangan semasa, pada tahun 2014, MAIDAM dalam usaha mewujudkan perundangan wakaf secara khusus dan berasingan dengan Enakmen Pentadbiran Hal Islam Terengganu. Pada tahun 2014 hingga 2015, beberapa bengkel dan perbincangan mengenai Draf Enakmen Wakaf Terengganu dengan JAWHAR, JKPTG, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Terengganu dan beberapa jabatan yang berkaitan, maka Enakmen Wakaf ini telah berjaya diluluskan diperingkat Dewan Undangan Negeri dan juga proses pertwartaan.
2. Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) merupakan pemegang amanah tunggal wakaf selaras dengan Enakmen Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016 Seksyen 4 (1) (a). Namun penafsiran ‘amanah’ menurut enakmen ini adalah berbeza di bawah Akta Pemegang Amanah 1949 (Akta 208).

Bil.	Program	Tempat	Bajet Yang Diluluskan	Jumlah Pelajar
1.	Sijil Pengajian Islam / Institut Dakwah Islamiah Perkim, (IDIP) Pengkalan Chepa	MAIDAM.15-005/18 Bhg. 2	RM5,500 seorang	5
2.	Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (PUSBA), Kedah	MAIDAM.15-005/19 Bhg. 2	RM3,500 seorang	4
3.	Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Selangor	-	RM3,500 seorang	1
4.	Program Pembangunan Tamadun Masyarakat Asli (PEATAMA), Kuantan, Pahang	MAIDAM.15-005/17	RM12,650.00 seorang	2

3. Bagi kedudukan harta tanah wakaf berdasarkan kepada Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016 terbahagi kepada dua kategori, pertama wakaf am dan kedua wakaf khas. Pembahagian wakaf tersebut menurut seksyen 14 iaitu:-

‘Jenis wakaf yang boleh diwujudkan di bawah Enakmen ini ialah -

- (a) *Wakaf am; dan*
- (b) *Wakaf khas.’*

4. Kedudukan wakaf khas diperingkat pengurusan pula, ianya terdapat beberapa jenis seperti wakaf tapak surau, tapak masjid, tapak kubur, kebajikan anak yatim, kebajikan pusat pangajian agama, wakaf manfaat kepada masjid tertentu dan sebagainya.

B. Pelaksanaan & Pengurusan

1. Proses tanah wakaf terbahagi kepada dua kaedah, kaedah pertama iaitu ‘Pindah Milik’ di bawah Kanun Tanah Negara Seksyen 200 melalui Borang 14 A, manakala kaedah kedua iaitu peletahakan di bawah Seksyen 416C (Perlatahan Berkanun).
2. Proses pendaftaran ini sebagaimana mengikut ‘S.O.P’ Unit Wakaf iaitu pemohon mestilah mengisi borang wakaf / borang ikrar / salinan kad pengenalan dan salinan geran tanah. Pemohonan yang lengkap akan diedar untuk dibuat siasatan tapak dan seterusnya akan didaftar tanah sebut sebagai tanah wakaf.

C. Jumlah Tanah-tanah Wakaf

1 Data keseluruhan (Sehingga Tahun 2017):-

- a) Jumlah keseluruhan tanah : 775 lot
- b) Jumlah keluasan tanah (hektar): 515.6
- c) Nilaian keseluruhan tanah: RM 133,796,119.00

D. Data Tanah Wakaf


1 Keterangan (petunjuk) data-data wakaf berdasarkan kepada singkatan:-

Bil.	Petunjuk	Keterangan
1.	W.Am	Wakaf Am
2.	T.M	Tapak Masjid
3.	T.S	Tapak Surau
4.	T.K	Tapak Kubur
5.	W.Z	Wakaf Zuriat
6.	M.W	Manfaat Wakaf


2. Data wakaf mengikut pecahan daerah:-

Daerah	W.Am	T. M	T.S	T.K	W. Z	M.W	Jumlah
Kuala Terengganu	127	19	26	43	21	195	431
Kemaman	24	2	11	1	-	7	45
Dungun	3	2	6	1	-	1	13
Hulu Terengganu	17	3	8	7	1	15	51
Marang	25	11	34	13	4	41	128
Besut	4	-	6	3	-	6	19
Setiu	5	9	3	2	-	-	19
Kuala Nerus	15	6	23	11	1	13	69
Jumlah	220	52	117	81	27	278	775
Jumlah Keseluruhan : 775 lot							

3. Peratusan wakaf (pembahagian jenis wakaf):-



3.2 Peratusan wakaf (pembahagian mengikut daerah):



- K.Terengganu: 55.61%
- Kemaman: 5.80%
- Dungun: 1.677%
- H.Terengganu: 6.58%
- Marang: 16.51%
- Besut: 2.45%
- Setiu: 2.45%
- Kuala Nerus: 8.9%

E. Tanah-tanah Wakaf Yang Telah Dibangunkan

Nama Bangunan: Hotel Grand Puteri (MAIDAM-JAWHAR)


Mukim: Bandar

Tujuan Wakaf: Wakaf Am.

Keterangan Tanah: GN 23919 Lot 60030

Daerah: Kuala Terengganu

Kegunaan: Bangunan ini dibina 7 tingkat dan terdiri 180 bilik penginapan, hasil sewaan bulanan akan bahagikan kepada 1/3 MAIDAM, 1/3 JAWHAR dan 1/3 kepada operator. Pada prinsipnya hotel ini beroperasi sebagai hotel komersial patuh syariah sebagaimana persetujuan antara MAIDAM dengan JAWHAR.



Nama Bangunan: Asrama MAIDAM

Mukim: Mukim Batu Buruk

Tempat: Kampung Ladang Sehat

Kegunaan: Disewa oleh Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) bagi penempatan pelajar-pelajarnya seramai 350 orang.

Keterangan Tanah: Lot 3878 GM 2824 (Lot 1324 KRM 1141 Lot Lama)

Daerah: Kuala Terengganu

Tujuan Wakaf: Wakaf Khas Almarhum Baginda (wakaf pendidikan)



Nama Bangunan: Arked MAIDAM
Mukim: Batu Buruk
Tempat: Kampung Gong Pak Maseh
Kegunaan: Premis Perniagaan, 6 Pintu.



Keterangan Tanah: Lot 1832 GM 1156
Daerah: Kuala Terengganu
Tujuan Wakaf: Wakaf Am



Nama Bangunan: Hentian MAIDAM
Mukim: Kuala Nerus
Tempat: Kampung Padang Air
Kegunaan: Premis Perniagaan, 5 pintu



Keterangan Tanah: Lot 5730 KRM 191
Daerah: Kuala Terengganu
Tujuan Wakaf: Wakaf Am



Nama Bangunan: Premis MAIDAM
Mukim: Cabang Tiga
Tempat: Kampung Bukit Kecil
Kegunaan: Premis Perniagaan, 10 Pintu.



Keterangan Tanah: Lot 1632 GM 936
Daerah: Kuala Terengganu
Tujuan Wakaf: Manfaat Masjid Hiliran



Nama Bangunan: Bangunan MAIDAM
Mukim: Bandar Kuala Terengganu
Tempat: Jalan Sultan Sulaiaman
Kegunaan: Sewaan Pejabat, 2 tingkat

Keterangan Tanah: Lot 3950 GRN 17590
Daerah: Kuala Terengganu
Tujuan Wakaf: Wakaf Am



Nama Bangunan: Perumahan MAIDAM
Mukim: Belara
Tempat: Kampung Banggol Peradong

Keterangan Tanah: Lot 12833 PM 1328 hingga Lot 12869 PM 1364 (74 Lot) dan 37 Lot telah dibina rumah kediaman.
Daerah: Kuala Terengganu
Tujuan Wakaf: Wakaf Am

Kegunaan: Kediaman perumahan bagi penempatan keluarga miskin



Nama Bangunan: Akademik Kulinarai Terengganu (AKT)
Mukim: Pulau Kerengga
Tempat: Kampung Pulau Kerengga

Kegunaan: Penempatan pelatih asnaf miskin dan pusat latihan kulinari di bawah kendalian dengan kerjasama antara MAIDAM, Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) dan Giat MARA.

Keterangan Tanah: lot 2466 GM 971
Daerah: Marang
Tujuan Wakaf: Wakaf Am



Nama Bangunan: Asrama MAIDAM
Mukim: Kampung Raja
Tempat: Kampung Baruh Berhala
Tujuan Wakaf: Wakaf Am

Kegunaan: Disewa oleh Yayasan Islam Terengganu bagi penempatan pelajar-pelajarnya



Keterangan Tanah: Lot 2654 GM 476
Daerah: Besut
Pemilikan berdaftar: Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (1/1 bahagian)



Nama Bangunan: Asrama Darul Akhyar
Mukim: Batu Rakit
Tempat: Kampung Mengabang Kapal

Kegunaan: Penempatan anak-anak yatim dibawah kendalian MAIDAM.



Keterangan Tanah: lot 3287 GM 10277
Daerah: Kuala Terengganu
Tujuan Wakaf: Manfaat Anak-anak Yatim



Nama Bangunan: Arked MAIDAM
Mukim: Cabang Tiga
Tempat: Kampung Losong Masjid
Kegunaan: Premis perniagaan, 6 pintu.



Keterangan Tanah: Lot 1 GM 9079
Daerah: Kuala Terengganu
Tujuan Wakaf: Manfaat Masjid Hiliran




F. Program Wakaf

1. Pada 17-18 April 2016, MAIDAM telah berjaya menganjurkan ‘Seminar Wakaf Senusantara’ yang melibatkan beberapa negara luar yang turut hadir serta membentang kertas kerja wakaf dalam seminar ini. Antaranya Indonesia dan Brunei. Program ini diadakan di Hotel Primula Kuala Terengganu dengan jumlah peserta seramai 550 orang yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan, swasta dan sebagainya. Program ini dianjurkan secara bersama dengan beberapa agensi Kerjaraan Persekutuan seperti Yayasan Wakaf Malaysia, JAKIM dan sebagainya. Manakala agensi Kerajaan Negeri turut terlibat SUK, Polis, MBKT, JHAET dan sebagainya. Program ini juga telah diperkenaan KDYMM Tuanku Sultan bagi mencemar bagi menyempurnakan perasmian pembukaan dan turut hadir YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YAB Menteri Besar Negeri Terengganu dan beberapa VIP yang lain.



G. Sistem Wakaf

1. Sistem dalaman bagi proses simpanan data-data wakaf telah lama diwujudkan. Namun sistem ini tidak meliputi secara keseluruhan sebagaimana yang dikehendaki oleh Unit Wakaf pada sekarang ini. Susulan ini, JAWHAR telah menawarkan sistem tanah wakaf kepada semua Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN), Antara negeri yang menggunakan sepenuhnya iaitu Terengganu (MAIDAM) kerana pihak JAWHAR memaklumkan bahawa data wakaf yang paling banyak diisi dalam sistem ini adalah MAIDAM.
2. Selain mengisi data-data wakaf, sistem ini juga dapat berfungsi bagi mengenalpasti kedudukan tanah, koordinat dan bentuk keluasan tanah.



Laporan Tahunan Unit Sumber AM

A. Hasil Sumber Am

1. Harta Faraid (Bahagian Baitulmal):
 - a. Mengikut Hukum Syarak bahawa harta pusaka mempunyai bahagian tertentu yang telah ditetapkan kepada yang berhak. Kadar bahagian tersebut secara jelas ditentukan dalam al-Quran surah al-Nisa' ayat 11, 12 dan 176. Para ulama' menjelaskan bahawa konsep penerimaan harta faraid dibahagikan kepada dua iaitu ahli al-Taqdir dan ahli Ta'shib. Ahli Ta'shib iaitu golongan asabah yang menerima tidak mengikut kadar yang telah ditetapkan. Sehubungan itu, Baitulmal salah satu penerima asabah jika pewaris ahli Ta'shib tidak menghabisi bahagiannya terutamanya ketiadaan pewaris lelaki.
 - b. Mengikut perundangan semasa, antaranya Kanun Tanah Negara Seksyen 4 (e) menyatakan secara khusus kedudukan Baitulmal. Peranan Baitulmal secara tidak langsung melibatkan segala urusan orang Islam terutamanya pembahagian harta perwarisan. Dalam Perlembagaan Persekutuan Senarai Negeri menjelaskan kedudukan hak perwarisan adalah termasuk bidang kuasa agama di bawah negeri-negeri.
 - c. Walau bagaimanapun, kuasa pembahagian harta pusaka adalah terletak di bawah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98). Dalam Seksyen 13 (1) menyatakan bahawa baitulmal salah satu pewaris yang berhak dan boleh mana-mana waris menebus bahagian tersebut.

d. MAIDAM merupakan institusi Baitulmal dan menerima harta pewaris melalui keputusan tarekah dari mana-mana pejabat pusaka kecil. Pada tahun 2017, MAIDAM telah melupuskan dengan menjual tanah baitulmal dan hasil jualannya sebanyak RM 500,000.00.

2. Harta Luqatah:

- Harta luqatah merujuk pandangan Syarak iaitu harta yang hilang dari tuannya dan dijumpai oleh orang lain. Ia ditakrifkan sebagai harta tanpa tuan. Mengikut hukum syarak harta tersebut perlu dihebahkan di tempat awam selama 1 tahun. Menurut para ulama harta tersebut boleh digunakan selepas hebahan dibuat mengikut tempoh ditetapkan. Jika pemilik asal ditemui dan membuat tuntutan maka harta tersebut hendaklah dikembalikan semula.
- Proses pelupusan harta luqatah telah dibuat secara sebut harga iaitu pada tahun 2010 jumlah hasil pelupusan diperolehi sebanyak RM 74,880.74 dan pada tahun 2016 jumlah hasil pelupusan sebanyak RM 154,630.00

3. Hasil Sewaan (Bangunan dan Tanah Baitulmal):

- Pada tahun 2017, aset bangunan Baitulmal terdapat sebanyak 95 unit bagi seluruh daerah. Unit tersebut termasuk bangunan kedai, rumah kediaman dan lain-lain. Manakala tanah pula, sebanyak 513 lot dengan nilai berjumlah RM 11,547,483.40.
- Namun mengikut pendapatan sebenar bagi hasil sewaan (setahun) bagi tanah Baitulmal berjumlah RM 7,080.00 manakala bangunan pula berjumlah RM 276,000.00.

B. Hasil Sumber Am


- Perbelanjaan sumber am melibatkan beberapa keperluan mengikut bajet tahunan yang dilaporkan. Perbelanjaan yang besar di bawah peruntukan sumber am iaitu perbelanjaan program ibadat korban. Pada tahun 2017, kos perbelanjaan tersebut berjumlah RM 600,000.00. Ini menunjukkan peruntukan sumber am bagi pembiayaan program tersebut sebanyak 49 %.
- Manakala 51 % perbelanjaan yang lain melibatkan kos pengurusan aset Baitulmal seperti bayaran cukai, insurans, elektrik dan lain-lain termasuk bantuan bencana alam.

C. Data Sumber Am

Daerah	Bil Lot	Bhg. Maidam (HA)	Nilaian
Besut	40	13.2574	1,447,867.29
Dungun	27	5.71007	362,472.00
Hulu Terengganu	66	16.55611	1,054,440.83
Kemaman	46	12.56185	1,566,609.40
Kuala Terengganu	167	6.41188	5,264,692.26
Kuala Nerus	85	8.007008	1,388,577.36
Marang	66	11.80946	130,4361.10
Setiu	14	1.20175	107,471.66
Jumlah	511	75.52	12,496,491.90

D. Skim Bantuan Sumber Am

- Skim Bantuan Sumber Am yang telah diluluskan di peringkat Mesyuarat Majlis Kali Kedua bertarikh 24 April 2018 mengambilkira tiga objektif iaitu pertama kepentingan umum, kedua keperluan tidak dapat dielakkan dan ketiga tiada larangan dari sudut agama dan termasuk perkara harus dipertimbangkan mengikut keadaan semasa.
- Antara skim bantuan ini iaitu Bantuan Bencana Alam, Bantuan Usaha Tanah MAIDAM, Bantuan Peralatan Pengurusan Jenazah dan Bantuan Penyelengaraan Kubur.



Buku Skim Bantuan

LAPORAN WAKAF TUNAI 2017

1. Pembelian Aset (Bangunan)

Pada April 2017, MAIDAM telah berjaya membeli sebuah bangunan empat (4) unit Kedai Pejabat 3 Tingkat di atas lot 18170, 18171, 18172 dan 18182 Mukim Kuala Neris, Terengganu sebagai aset kekal wakaf tunai berdasarkan keputusan mesyuarat-mesyuarat berikut yang telah bersetuju meluluskan pembelian bangunana tersebut

- i. Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan, Pembangunan Dan Pelaburan MAIDAM Kali Keempat 2016 pada 23 Julai 2016.
- ii. Mesyuarat Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu Kali Ketiga 2016 yang bersidang pada 28 Julai 2016.

2. Seminar Celik Wakaf 2017 Anjuran Bersama Yayasan Waqaf Malaysia dan CIMB Islamic Bank Berhad.

Dalam usaha memupuk kesedaran mengenai wakaf dan menggalakkan budaya berwakaf dalam kalangan masyarakat, MAIDAM dengan kerjasama Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) bersama CIMB Islamic Bank Berhad telah mengadakan satu seminar celik wakaf yang melibatkan 250 orang Daie dan Muallim di tempat berikut:-

- i. Dewan Majlis Perbandaran Kemaman pada 5 November 2017.
- ii. Dewan Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Dungun pada 7 November 2017.



Objektif :

1. Mendekati masyarakat bagi menyebarkan kesedaran tentang kepentingan Skim Wakaf Tunai serta menggalakkan mereka untuk berwakaf melalui wang tunai.
88	Siti Nor Farahiyah binti Zakariah KP : 851009-08-5510	1.1.2017 Hingga 31.12.2017	088/2017	Tetuan Khairul Sofian Anuar & Co. Lot 7927, Tingkat 2, Jalan Baru Pak Sabah, 23000 Dungun, Terengganu.
89	Hisyam bin Yusof KP : 750711-11-5609	1.1.2017 Hingga 31.12.2017	089/2017	No. 19, Jalan Hijau Alam, U9/14A, Cahaya SPK, 40150 Shah Alam, Selangor.
90	Nur Hidayah binti Maidin KP : 900818-11-6012	1.1.2017 Hingga 31.12.2017	090/2017	241, Kampung Baru, Kuala Abang, 23050 Dungun, Terengganu.
91	Ahmad Syafiq bin Noor Afandi KP : 890710-11-5249	1.1.2017 Hingga 31.12.2017	091/2017	Shazril Khairy Mustafa & Associates 2103-A, Tingkat 1, Wisma Sheikh Abdullah Fahim, 13200 Kepala Batas, SPU Pulau Pinang.
92	Nurul Taqwa binti Hasbu KP : 900719-11-5946	1.1.2017 Hingga 31.12.2017	092/2017	Shazril Khairy Mustafa & Associates 2103-A, Tingkat 1, Wisma Sheikh Abdullah Fahim, 13200 Kepala Batas, SPU Pulau Pinang.
93	Mohammad Amir Asyraf bin Abd. Mutalib KP : 890312-07-5157	1.1.2017 Hingga 31.12.2017	093/2017	Shazril Khairy Mustafa & Associates No. 2103-A, Tingkat 1, Wisma Sheikh Abdullah Fahim, Jalan Tun Hamdan Sheikh Tahir, 13200 Kepala Batas SPU Pulau Pinang.
94	Haji Mohd Rahim bin Haji Abdullah KP : 541031-11-5057	1.1.2017 Hingga 31.12.2017	094/2017	Rahim Abdullah & Associates No. 8, Tingkat 1, Terminal Bas Kuala Kangsar, Perak.
95	Zukri bin Jusoh KP : 770101-11-6995	1.1.2017 Hingga 31.12.2017	095/2017	Tetuan Zukri Jusoh & Co. PT 365 & 366, Tingkat Atas, Wisma Zukri Jusoh, RK PMINT, Jalan Pasir Akar, Jerteh, 22000 Besut, Terengganu.
96	Aishah binti Rosli KP : 911030-11-5376	1.1.2017 Hingga 31.12.2017	096/2017	No. 243, Lorong 3 Padang Jambu, 23000 Dungun, Terengganu.
97	Abdul Rahim bin Sinwan KP : 641128-71-5129	1.1.2017 Hingga 31.12.2017	097/2017	Rahim & Tan No. 280 A Jalan Bandar 11, Metro Melawati, 53100 Kuala Lumpur.

98	Rubiah binti Jaffar KP : 610607-10-6150	1.1.2017 Hingga 31.12.2017	098/2017	Tetuan Jaffar & Menon No. 35 B, Tingkat 1, Jalan TK 1/11A, Taman Kinrara, Off Jalan Puchong, 47100 Puchong Selangor.
99	Haji Mohd Zaki bin Haji Zainal Abidin KP : 700418-03-5575	1.1.2017 Hingga 31.12.2017	099/2017	Tetuan Mohd Zaki & Co. Lot 1458, Jalan Dato' Lundang, 15200 Kota Bharu, Kelantan.
100	Muhammad Firdaus bin Abdul Samad KP : 921209-11-5519	1.1.2017 Hingga 31.12.2017	100/2017	Tetuan Anuwar & Anuwar, No. 73 Tingkat 2, Jalan Sultan Ismail, 20200 Kuala Terengganu, Terengganu.
101	Nurtaqiah binti Ahmad Sabri KP : 900910-11-5848	1.1.2017 Hingga 31.12.2017	101/2017	Lot 013552, Kampung Wakaf Bharu, Batu 10, Jalan Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu
102	Nurul Hanis binti Mohd Zaini KP : 850216-08-5834	1.1.2017 Hingga 31.12.2017	102/2017	Tetuan Hanis Aziah & Co. No. 437-B, Tingkat Atas, Jalan Kamaruddin, 20400 Kuala Terengganu.
103	Marlina binti Amir Hamzah KP : 731019-06-5138	1.1.2017 Hingga 31.12.2017	102/2017	Tetuan Hisham Sobri & Kadir Level 20, Menara MARA, No. 232, Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.
104	Abdullah Umair bin Mohd Salehudin KP : 910617-06-5625	1.1.2017 Hingga 31.12.2017	01/2017	445-18, Jalan Hulu Masjid, 18000 Kuala Krai, Kelantan.
105	Shahrafnaz binti Sapi-in KP : 901030-03-5844	1.1.2017 Hingga 31.12.2017	02/2017	Lot 1752 A, Tingkat 1, Jalan Sultan Yahya Petra, 15200 Kota Bharu, Kelantan.
106	Nurfarhah binti Mohamad Noor Sabri KP : 900731-03-5172	1.1.2017 Hingga 31.12.2017	03/2017	445-18, Jalan Hulu Masjid, 18000 Kuala Krai, Kelantan.
107	Salamon Ali Rizal bin Haji Abdul Rahman KP : 680309-05-5301	1.1.2017 Hingga 31.12.2017	04/2017	Tetuan Salamon, Zuraida & Partners No. 201, Tingkat 2, Block C, Kuantan Centre Point, Jalan Haji Abdul Rahman 25000 Kuantan, Pahang.

Unit Audit Dalam

RANCANGAN AUDIT TAHUNAN



PERANAN AUDIT DALAM

- 1) Memberi Kepastian Secara Objektif Dan Nasihat Bagi Menambah Nilai Dan Mempertingkatkan Operasi Organisasi.
- 2) Membantu Organisasi Mencapai Matlamat Dan Objektif Dengan Pendekatan Yang Sistematik Dan Berdisiplin.
- 3) Memberi Khidmat Nasihat Dan Perundingan Kepada Organisasi Secara Profesional.
- 4) Mengkaji/Melaporkan Tahap Pematuhan Kepada Dasar, Undang-Undang, Peraturan Dan Arahan Yang Berkaukuasa.
- 5) Mengkaji Setiap Program/Aktiviti Organisasi Serta Sistem Pengurusan Aset Yang Dilaksanakan.

OBJEKTIF AUDIT DALAM

- 1) Untuk Menambah Nilai Dan Mempertingkatkan Operasi Organisasi.
- 2) Agar Pihak Pengurusan Dapat Mencapai Tadbir Urus Organisasi Yang Baik.
- 3) Supaya Organisasi Mencapai Matlamat Berlandaskan Peraturan Dan Undang-Undang Yang Ditetapkan.

FEBRUARI
20 – 22 Februari



Lawatan Audit Dalam ke Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk)

APRIL
17 - 18 April



Lawatan Audit Dalam ke Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK)

SEPTEMBER
26 - 28 September



Lawatan kerja yang dilakukan telah membuka jalan kepada perkongsian pengalaman serta cara kerja dalam pelaksanaan program Bantuan Bina Baharu dan Baiki Rumah Asnaf. Hasil pekongsian maklumat telah mewujudkan persefahaman antara MAIN dan membawa kepada penambahbaikan dalam program tersebut.



Perhentian Island Resort, Besut

Bengkel Penyediaan Kertas Kerja Pengauditan (MRA) & Penubuhan Jawatankuasa Audit Dalam Negeri Terengganu

Perhubungan Korporat Dan Promosi

Seksyen Perhubungan Korporat dan Promosi dibahagikan kepada dua (2) unit iaitu Unit Promosi dan Penerbitan dan Unit Perkhidmatan Pelanggan. Di bawah Unit Promosi dan Penerbitan, ianya bertanggungjawab dalam merancang dan melaksanakan program-program promosi terhadap produk-produk MAIDAM terutama zakat dan wakaf tunai sama ada melalui media cetak, media elektronik dan media sosial, menyertai pameran program-program anjuran Kerajaan Negeri serta memberikan taklimat berkaitan zakat. Disamping itu, unit ini juga bertanggungjawab dalam menyedia dan menerbitkan berita mengenai program MAIDAM di laman sosial MAIDAM.

Unit Perkhidmatan Pelanggan pula akan memastikan penyampaian perkhidmatan yang responsif kepada kehendak dan keperluan pelanggan sama ada menerusi perkhidmatan kaunter khidmat pelanggan dan urusan khidmat telefon.

Secara keseluruhan seksyen ini adalah antara sistem transmisi maklumat kepada orang ramai dalam menyebarkan pelbagai fungsi dan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan oleh MAIDAM. Di bawah seksyen ini antara perkara yang dijalankan adalah pengendalian aduan, penyelarasan lawatan-lawatan rasmi serta penglibatan dalam majlis-majlis rasmi MAIDAM.

Secara umumnya fungsi sedia ada seksyen ini juga meliputi pelbagai tugas tanpa pengkhususan tertentu yang meliputi hal-hal perhubungan awam. Antaranya adalah seperti:

- 1.0 Membantu dalam mengurus pelaksanaan program dan majlis-majlis rasmi anjuran MAIDAM.
- 1.1 Mengurus program dan lawatan kerja agensi / jabatan luar ke MAIDAM.
- 1.2 Mengurus kaunter khidmat pelanggan dan khidmat telefon.
- 1.3 Menyediakan bahan berita program atau hebahan dan informasi terkini MAIDAM untuk diterbitkan di laman sosial MAIDAM.
- 1.4 Mengumpul, menyelenggarakan dan menggunakan aduan/maklumat pelanggan sebagai cadangan untuk penambahbaikan kepada MAIDAM.
- 1.5 Menyelaras semua aduan pelanggan dan memastikan Laporan Aduan Pelanggan dibuat secara bulanan dan Laporan Analisis Kepuasan Pelanggan dibuat secara berkala.
- 1.6 Merekabentuk iklan, merancang dan melaksanakan program-program promosi zakat dan wakaf tunai di media sama ada media cetak, media elektronik ataupun media sosial.
- 1.7 Merangka satu pelan promosi zakat dan wakaf tunai menerusi penyertaan bersama program Kerajaan Negeri yang boleh disertai serta memberikan taklimat.
- 1.8 Menjalankan pemantauan terhadap akhbar-akhbar utama mengenai MAIDAM di mana keratan-keratan akhbar tersebut akan dikumpul bagi tujuan rekod maklumat.

Promosi

Ceramah dan taklimat zakat dan wakaf tunai adalah merupakan aktiviti promosi yang penting dalam menyebarkan dakwah dan kesedaran kepada masyarakat Islam yang terdiri daripada pelbagai sektor kerajaan seperti sektor kerajaan, badan berkanun dan juga swasta.

Melalui program sebegini ianya dapat memberikan kemudahan kepada masyarakat Islam dalam hal berkaitan khidmat nasihat dan juga informasi serta maklumat yang tepat mengenai produk-produk MAIDAM. Ianya juga dapat meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat Islam dengan lebih mendalam lagi.

Selain daripada memberikan taklimat ataupun ceramah, antara beberapa program promosi zakat dan wakaf tunai yang telah dijalankan adalah melalui hebahan publisiti melalui:

i) Media Elektronik

Pada tahun 2017, MAIDAM telah bersetuju untuk bekerjasama dengan Manisfm menerusi pakej hebahan promosi yang telah dipilih bagi menjalankan promosi dan publisiti mengenai zakat dan wakaf tunai. Manisfm merupakan salah satu medium komunikasi dan informasi yang popular di khalayak umum dalam menyalurkan maklumat.

Pendekatan secara inklusif melalui program berbentuk hiburan dan maklumat untuk menyampaikan informasi kepada semua

lapisan usia dengan fokus utama kepada golongan belia (Gen-Y) dari peringkat umur 20 hingga 40 tahun.

Publisiti giat dijalankan khususnya kepada golongan muda yang belum berkahwin di mana kumpulan ini dirasakan masih kurang kesedaran membayar zakat tetapi berpotensi untuk menjadi pembayar zakat pada masa hadapan.

Unit Promosi MAIDAM telah menjalankan beberapa aktiviti promosi dan kempen secara berterusan melalui slot wawancara, iklan, promo, kapsul, snapshot di radio Manisfm.

ii) Media Cetak

Akhbar adalah merupakan salah satu medium publisiti yang digunakan dalam mempromosikan zakat dan wakaf tunai. Aktiviti promosi dan publisiti giat dijalankan menerusi media cetak ini dimana beberapa program pengiklanan zakat dan wakaf tunai serta advertorial yang diterbitkan dalam siaran akhbar yang telah dipilih, iaitu Kosmo.

Kosmo adalah sebuah akhbar berbahasa Melayu tempatan yang sentiasa peka dengan peredaran masa mampu untuk menyalurkan maklumat kepada umum.

Program pengiklanan berterusan zakat dan wakaf tunai serta advertorial yang menceritakan keberhasilan penerima-penerima zakat berdikari malah ada yang bergelar usahawan telah memberi impak kepada orang ramai pemahaman dan manfaat berzakat.

Menerusi advertorial membuatkan pembayar-pembayar zakat rasa dihargai bila mana sumbangan dari wang zakat mereka telah dapat membantu golongan yang amat memerlukan. Secara tidak langsung juga ianya sekaligus telah berjaya mewujudkan kesan berganda (*multiplier effect*) di mana individu yang pada mulanya menerima zakat akhirnya mampu untuk berdikari dan memperbaiki ekonomi keluarga seterusnya telah menjadi pembayar zakat pula.

iii) Media Sosial

Melalui pendekatan media sosial internet seperti Facebook, youtube, instagram dan juga video ianya dapat mendekati masyarakat dengan lebih pantas dan segera. Ianya juga telah digunakan semaksima mungkin dalam mempelbagaikan kaedah promosi dan publisiti.

Aktiviti promosi pengiklanan seperti mereka bentuk iklan, mengiklankan promosi-promosi di media sosial juga dijalankan dengan giatnya agar setiap publisti dapat berjalan dengan lancar. Melalui pendekatan media sosial ini juga ianya dapat mendekati masyarakat dengan lebih berkesan.

iv) Papan Tanda Pengiklanan (Billboard)

Bagi memastikan aktiviti promosi dan publisiti dilaksanakan secara lebih berkesan dan menyeluruh, lokasi promosi adalah merupakan satu elemen yang penting perlu diberikan penekanan agar matlamat promosi tercapai. Justeru, beberapa lokasi di sekitar bandar Kuala Terengganu dan di daerah-daerah seperti Kemaman, Dungun, Marang dan Kuala Nerus telah dipilih untuk pengiklanan Zakat dan Wakaf Tunai menerusi papan tanda pengiklanan (billboard).

Selain daripada itu, pemilihan pengiklanan di Lapangan Terbang Sultan Mahmud (LTSM) juga telah dipilih bagi tujuan promosi. LTSM adalah merupakan lokasi yang “*prominent*” dan “*outstanding*” bagi tujuan promosi kerana ia merupakan pintu masuk dan keluar ke Terengganu melalui udara dalam menampilkan aktiviti promosi dan publisiti secara lebih eksklusif yang mampu mensasarkan pelbagai lapisan pengeluar zakat.

Promosi dan publisiti yang dijalankan adalah usaha berterusan dalam memupuk minat masyarakat umum terutama generasi muda untuk berzakat dan menjadikan zakat sebagai sebahagian dari amalan kehidupan.

v) Perkhidmatan Kaunter Bergerak

MAIDAM juga menyediakan perkhidmatan kaunter bergerak di lokasi terpilih dalam tempoh setahun. Pelbagai program kerjasama telah dijalankan dengan Kerajaan Negeri dan juga agensi-agensi swasta dengan menyertai setiap program-program yang dianjurkan.

Melalui perkhidmatan kaunter bergerak ini, ianya boleh memberikan kemudahan dan membantu pembayar yang ingin membuat pertanyaan serta pembayaran zakat. Selain daripada itu, brosur juga diedarkan dengan tujuan untuk menyampaikan maklumat serta hebahan promosi kepada orang ramai.

Berteraskan konsep turun padang, pelbagai publisiti seperti ceramah dan taklimat zakat dan wakaf tunai yang telah disampaikan oleh pegawai-pegawai dan juga mereka daripada Unit Promosi dalam menyebarkan dakwah dan kesedaran kepada masyarakat Islam yang terdiri daripada pelbagai sektor kerajaan seperti sektor kerajaan, badan berkanun dan juga swasta.

Melalui program sebegini ianya dapat memberikan kemudahan kepada masyarakat Islam dalam hal berkaitan khidmat nasihat dan juga informasi serta maklumat yang tepat mengenai produk-produk MAIDAM. Ianya juga dapat meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat Islam dengan lebih mendalam lagi.

Laporan Bergambar Aktiviti Promosi Zakat Dan Wakaf Tunai Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu Tahun 2017

Pejabat POS Laju
Kuala Terengganu



Pejabat TNB
Stesen Janakuasa
Sultan Mahmud



**Politeknik
Kuala Terengganu**

**Politeknik
Kuala Terengganu**

**Masjid Tengku
Tengah Zaharah**

Masjid UiTM
Bukit Besi

Pengurusan Aduan Awam

Di bawah seksyen ini ianya bertindak sebagai penyelaras aduan awam di mana Jabatan menerima aduan melalui pelbagai saluran termasuk Biro Pengaduan Awam, e-mel, web dan juga melalui facebook. Keseluruhannya didapati saluran yang biasa digunakan dalam penyaluran aduan ini adalah melalui e-mel, web dan juga facebook.

Dalam pengendalian aduan bagi tahun 2017, secara keseluruhan MAIDAM telah menerima 85 aduan dan lain-lain adalah perkara yang boleh diklasifikasikan sebagai pertanyaan, komen dan cadangan.

Laporan Statistik Kategori Aduan Yang Diterima Bagi Tahun 2017

Bulan	Aduan	Pertanyaan	Komen	Cadangan	Jumlah
JANUARI	6	5	4	2	17
FEBRUARI	16	5	2	1	24
MAC	9	5	3	-	17
APRIL	11	5	3	-	19
MEI	13	44	-	-	57
JUN	6	63	-	-	69
JULAI	3	83	1	-	87
OGOS	3	70	1	-	74

SEPTEMBER	3	40	1	-	44
OKTOBER	8	49	3	1	61
NOVEMBER	6	57	1	3	67
DISEMBER	1	60	-	1	62
JUMLAH	85	486	19	8	598

Penyelarasan Lawatan Rasmi

Agensi-agensi yang telah mengunjungi MAIDAM sepanjang tahun 2017 adalah seperti jadual dibawah:

Kunjungan ke MAIDAM 2017

Bil.	Agensi	Tarikh
1.	Persatuan Orang Pekak Terengganu	27 Mac 2017
2.	Akauntan Negara	28 Mac 2017
3.	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)	18 Mei 2017
4.	UITM Kampus Bukit Besi	21 Mei 2017
5.	Jabatan Agama Islam Negeri Johor	7 Ogos 2017
6.	Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS)	23 Oktober 2017
7.	Institut Latihan Dakwah Selangor (ILDAS)	16 November 2017
8.	Jabatan Agama Islam Negeri Johor	6 Disember 2017
9.	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)	10 Disember 2017
10.	Naza Academy Sdn Bhd	13 Disember 2017

Penutup

Saya mewakili seluruh warga MAIDAM merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada YB Dato' Shaikh Harun bin Shaikh Ismail, Yang Dipertua MAIDAM atas kepercayaan, sokongan dan dorongan yang diberikan dalam memastikan MAIDAM sentiasa dapat melaksanakan yang terbaik dalam aktiviti yang diadakan. Begitu juga kepada Ahli-ahli Mesyuarat MAIDAM yang secara berterusan memberikan nasihat serta menentukan dasar dan halatuju untuk dijadikan panduan oleh pengurusan MAIDAM.


Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pelanggan-pelanggan MAIDAM khususnya pembayar zakat, orang awam, agensi kerajaan dan swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu MAIDAM melaksanakan agenda pembangunan ummah di negeri Terengganu.

Sekian, terima kasih.

Ketua Pegawai Eksekutif
MAIDAM



PENYATA KEWANGAN





Jabatan Audit Negara Malaysia

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN
ADAT MELAYU TERENGGANU
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

**KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 27.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia. Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu memberi gambaran yang saksama.


Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(DATO' HAJI CHE ISA BIN CHE KOB)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA


PUTRAJAYA
30 OKTOBER 2018



**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU
PENYATA PENGAKUAN MAJLIS**

“Kami, **DATO’ HAJI OSMAN BIN MUDA** dan **DATO’ DR. HAJI ZULKIFLY BIN HAJI MUDA** yang merupakan Yang Dipertua dan salah seorang ahli MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU dengan ini mengakui bahawa, pada pendapat Majlis, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan Ekuiti dengan Nota-nota di dalamnya adalah disediakan menunjukkan satu kenyataan yang benar dan saksama mengikut prinsip-prinsip perakaunan yang diterima umum mengenai kedudukan kewangan MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU pada 31 Disember 2017 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut”.

Bagi pihak Majlis,



Nama : **DATO’ HAJI OSMAN BIN MUDA**
Jawatan : **YANG DIPERTUA MAJLIS**
Tarikh : **24 APRIL 2018**
Tempat : **KUALA TERENGGANU**

Bagi pihak Majlis,



Nama : **DATO’ DR. HAJI ZULKIFLY BIN HAJI MUDA**
Jawatan : **AHLI MAJLIS**
Tarikh : **24 APRIL 2018**
Tempat : **KUALA TERENGGANU**

**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU
PUSAT PENTADBIRAN ISLAM TERENGGANU,
KOMPLEKS SERI IMAN,
JALAN SULTAN MOHAMAD,
20519 KUALA TERENGGANU.**



**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU
彭訖公文由主要官員簽署
BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP PENGURUSAN KEWANGAN
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU**

“Saya, HAJI W ISMAIL SAHAIMI BIN W OMAR, Pegawai Utama yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan Ekuiti dengan Nota-nota di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah menunjukkan pandangan yang benar dan saksama dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar”

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui, }

Oleh penama di atas di }

Kuala Terengganu }

Pada24.haribulan.....04.....2018 }

(HAJI W ISMAIL SAHAIMI BIN W OMAR)


Di hadapan saya,



MOHD SUKERI BIN IBRAHIM
Ketua Penolong Pegawai Daerah
Kuala Terengganu

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU
(Ditubuhkan Di Bawah Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M)
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2017

	NOTA	<u>2017</u> (RM)	<u>2016</u> (RM)
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, Loji Dan Peralatan	4	23,438,099	22,604,166
Hartanah Pelaburan Pada Kos	5	38,750,638	83,002,058
Perbelanjaan Pembangunan	6	1,031,755	1,015,775
Pelaburan Saham Pada Nilai Saksama	7	1,196,570	1,191,781
Pinjaman Kenderaan Jangka Panjang	8	536,291	515,233
Pinjaman Komputer Jangka Panjang	8	4,204	2,912
Kerja Dalam Pelaksanaan	9	-	878,888
Jumlah Aset Bukan Semasa		<u>64,957,557</u>	<u>109,210,813</u>
ASET SEMASA			
Pinjaman Kenderaan	8	138,841	141,373
Pinjaman Komputer	8	2,708	3,471
Pelbagai Pinjaman	8	-	4,000
Amanah/Deposit	10	41,097	29,744
Akaun Belum Terima	11	99,215,419	89,330,540
Pendahuluan	12	70,024	143,416
Perbelanjaan Terdahulu	13	-	534
Wang Dalam Perjalanan	14	6,183,997	-
Pelaburan Al-Mudharabah	15	354,795,957	418,540,264
Tunai di Tangan dan Bank	16	63,429,967	40,617,038
Jumlah Aset Semasa		<u>523,878,010</u>	<u>548,810,380</u>
JUMLAH ASET		<u>588,835,567</u>	<u>658,021,193</u>
MODAL DAN RIZAB			
Lebihan Terkumpul:			
Kumpulan Wang Pentadbiran	21	46,581,515	52,616,930
Kumpulan Wang Zakat	22	367,764,370	398,425,490
Kumpulan Wang Ar Rahnu	23	97,466,034	90,396,589
Kumpulan Wang Wakaf	24	7,281,719	6,119,046
Kumpulan Wang Amanah	25	555,512	750,662
Cadangan Modal	21/24	4,590,175	4,590,175
Rezab Nilaian Semula Harta	21	35,689,359	34,772,116
Pemberian Dari Agensi Lain	21	2,713,358	41,941,189
Kumpulan Wang Chenderong Concession	24	2,913,053	2,531,033
Kumpulan Wang Luar Jangka	26	1,000,000	1,000,000
Kumpulan Wang Pendahuluan Diri	27	200,000	200,000
JUMLAH EKUITI		<u>566,755,095</u>	<u>633,343,230</u>



	NOTA	<u>2017</u> (RM)	<u>2016</u> (RM)
LIABILITI SEMASA			
Akaun Belum Bayar	17	2,834,646	3,460,778
Amanah/Deposit	18	20,788,389	20,166,087
Hasil Terdahulu	19	29,373	22,505
Wakaf Tunai	20	(1,571,936)	1,028,593
Jumlah Liabiliti Semasa		<u>22,080,472</u>	<u>24,677,963</u>
JUMLAH LIABILITI		22,080,472	24,677,963
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		<u>588,835,567</u>	<u>658,021,193</u>

(Penyata Kedudukan Kewangan ini hendaklah dibaca dengan nota-nota berkembar)

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU
(Ditubuhkan Di Bawah Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M)
PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	NOTA	<u>2017</u> (RM)	<u>2016</u> (RM)
PENDAPATAN			
Pendapatan Zakat	22	137,949,523	133,642,573
Perolehan Pendaftaran		238,000	187,916
Perolehan Perkhidmatan		7,828,304	7,087,562
Perolehan Jualan		316,760	657,881
Pendapatan Sewaan		4,141,480	4,062,623
Perolehan dan Keuntungan Pelaburan		14,031,831	16,834,611
Hibah		158,145	123,277
Perolehan Denda dan Hukuman		100	400
Pelbagai Terimaan dan Caruman		17,395,642	17,890,392
Pelunasan Pemberian Agensi Lain	29	39,227,831	771,164
Keuntungan Perubahan Nilai Saksama Pelaburan Saham	7	7,271	721
Hasil Hutang Ragu		6,887	-
Keuntungan Pelupusan Aset		-	355,780
Caruman Kerajaan Negeri		-	700,000
		<u>221,301,774</u>	<u>182,314,900</u>
TOLAK : PERBELANJAAN			
<u>EMOLUMEN</u>			
Gaji dan Upahan		4,798,394	6,067,251
Elaun dan Lain-Lain Habuan Wang		2,096,335	542,050
Tambahan Kos Kakitangan Awam		18,410	75,132
Elaun & Faedah Kewangan		621,232	294,640
<u>PERKHIDMATAN DAN BEKALAN</u>			
Perjalanan dan Sara Hidup		594,677	444,222
Pengangkutan Barang-Barang		1,130	32
Perhubungan dan Utiliti		778,924	758,310
Sewaan		324,363	152,109
Bekalan Bahan Mentah		109,220	113,874
Bekalan dan Bahan-Bahan Lain		395,658	353,872
Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli		894,260	833,093
Perkhidmatan Iktisas Dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli dan Hospitaliti		4,288,437	3,790,626
Aset		924,489	598,841
Pemberian Dalam Negeri		2,251,261	1,254,243
Pencen		817,391	740,109
Ganjaran		4,852	15,187
Gantian Cuti Rehat		32,243	9,568
Pelbagai Bayaran		2,072,584	1,498,628
Pulang Balik Hasil		67,325	1,176

	NOTA	<u>2017</u> (RM)	<u>2016</u> (RM)
<u>SUSUT NILAI DAN LAIN-LAIN</u>			
Susutnilai		1,350,299	2,127,919
Agihan Zakat	22	181,889,942	164,620,861
Belanja Hutang Ragu		18,860	26,269
Kerugian Perubahan Nilai Saksama Pelaburan Saham	7	2,529	17,226
Sumbangan Wakaf	5	45,029,714	-
Kerugian Pelupusan Aset		323,488	-
		<u>249,706,017</u>	<u>184,335,238</u>
<u>LEBIHAN PENDAPATAN DARIPADA PERBELANJAAN</u>			
		<u>(28,404,243)</u>	<u>(2,020,338)</u>
<u>LEBIHAN TERKUMPUL DARIPADA TAHUN LEPAS</u>			
		<u>548,308,717</u>	<u>550,679,817</u>
LEBIHAN/(KURANGAN) YANG DISELARAS DARI TAHUN LEPAS	28	(255,324)	(350,762)
		<u>519,649,150</u>	<u>548,308,717</u>



MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU
(Ditubuhkan Di Bawah Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M)
PENYATA ALIRAN TUNAI PADA 31 DISEMBER 2017

	2017 (RM)	2016 (RM)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI		
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Dalam Tahun	(28,404,243)	(2,020,338)
Pelarasan	<u>(225,105)</u>	<u>(228,000)</u>
	<u>(28,629,348)</u>	<u>(2,248,338)</u>
Pelarasan untuk butiran yang tidak melibatkan pergerakan tunai:-		
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	1,350,299	2,127,919
Belanja Hutang Ragu	18,860	26,269
Pelunasan Pemberian Agensi Lain	(39,227,831)	(771,164)
Perolehan Dividen daripada Pelaburan Saham	(48)	(53)
Perolehan daripada Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	323,488	(355,780)
Hasil Pelarasan Amanah	(10,526)	(9,354)
Kerugian Perubahan Nilai Saksama Pelaburan Saham	2,529	16,504
Sumbangan Wakaf	45,029,714	-
Hasil Hutang Ragu	(6,887)	-
Keuntungan Perubahan Nilai Saksama Pelaburan Saham	(7,271)	-
<i>Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja</i>	<u>(21,157,021)</u>	<u>(1,213,997)</u>
Penambahan/(Kurangan) Di Dalam Modal Kerja:		
Siberhutang Pinjaman Kenderaan	(18,526)	84,131
Siberhutang Pinjaman Komputer	(529)	5,766
Pelbagai Pinjaman	4,000	12,000
Pendahuluan Dibayar	140,095	314,159
Akaun Belum Terima	(10,453,049)	(9,656,569)
Amanah/ Deposit Diterima	(3,504,014)	2,855,673
Akaun Belum Bayar	1,077,207	(2,184,635)
Pendahuluan Diterima	63,600	(8,982)
Amanah/ Deposit Dibayar	(11,354)	8,745
Amanah Chenderong Concession	382,019	118,536
	<u>(12,320,551)</u>	<u>(8,451,176)</u>
<i>Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Operasi</i>	<u>(33,477,572)</u>	<u>(9,665,173)</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Penjualan Hartanah, Loji dan Peralatan	250	23,320
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	(1,058,419)	(1,352,595)
Pembayaran Kerja Dalam Pelaksanaan	(195,660)	(819,655)
Pembayaran Perbelanjaan Pembangunan	(15,980)	(32,900)
Pembelian Hartanah Pelaburan	-	(868,000)
<i>Gunaan Tunai Bersih Dalam Aktiviti Pelaburan</i>	<u>(1,269,809)</u>	<u>(3,049,830)</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Wang Tunai Daripada Aktiviti Pembiayaan	-	-
	<u>-</u>	<u>-</u>
PERTAMBahan BERSIH TUNAI DAN SEPARA TUNAI	(34,747,381)	(12,715,003)
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI DARI PADA AWAL TAHUN	459,157,302	471,872,305
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI DARI PADA AKHIR TAHUN	424,409,921	459,157,302
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN TERDIRI DARIPADA :		
Wang Tunai di Bank dan di Tangan	63,429,967	40,617,038
Pelaburan Mudharabah	354,795,957	418,540,264
Wang Dalam Perjalanan	6,183,997	-
	<u>424,409,921</u>	<u>459,157,302</u>

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU
(Diluluskan Di Bawah Enakmen Pentadbiran Hail Ehwal Agama Islam [Terengganu] 1422H/2001M)
PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI DISATUKAN
BAKI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

NOTA	KUMPULAN WANG PENTADBIRAN	LEBIHAN TERKUMPUL		JUMLAH KUMPULAN		CADANGAN REZAB NILAIAN		PEMBERIAN DARI AGENSI		KUMPULAN WANG PENDAHULUAN		KUMPULAN WANG CHENDERONG CONCESSION		JUMLAH RM
		KUMPULAN WANG ZAKAT	KUMPULAN WANG AR RAHNU	KUMPULAN WANG WAKAF	WANG AMANAH	LEBIHAN MODAL	TERKUMPUL SEMULA HARTA	LAIN	JANGKA	PENDAHULUAN DIRI	RM	RM	RM	
50,126,966	412,408,152	83,069,988	4,709,926	344,775	550,679,817	4,580,175	33,975,390	42,712,353	1,000,000	200,000	2,412,498	635,570,233		
2,693,349	(13,832,867)	7,306,591	1,406,702	405,887	(2,020,338)	-	-	-	-	-	-	-	(2,020,338)	
-	-	-	-	-	-	-	-	1,315,114	-	-	-	1,216,335	2,533,449	
-	-	-	-	-	-	-	-	(425,188)	-	-	-	(1,099,800)	(1,524,986)	
28	(233,385)	(149,795)	-	2,418	-	(350,762)	-	(93,200)	-	-	-	-	(443,962)	
29	-	-	-	-	-	-	-	(771,164)	-	-	-	-	(771,164)	
52,616,930	398,426,490	90,396,589	6,119,046	750,662	548,308,717	4,580,175	34,772,116	41,941,189	1,000,000	200,000	2,531,033	633,343,230		
(6,051,307)	(30,436,015)	7,069,445	1,208,784	(195,150)	(28,404,243)	-	-	-	-	-	-	-	(28,404,243)	
-	-	-	-	-	-	-	-	798,184	-	-	-	1,517,326	2,315,510	
-	-	-	-	-	-	-	-	(283,941)	-	-	-	(1,135,306)	(1,419,247)	
28	15,892	(225,105)	-	(46,111)	-	(255,324)	-	403,000	-	-	-	-	147,676	
29	-	-	-	-	-	-	-	(39,227,831)	-	-	-	-	(39,227,831)	
46,581,516	367,764,370	97,466,034	7,231,719	555,512	519,649,150	4,580,175	35,689,359	2,713,358	1,000,000	200,000	2,913,053	566,755,095		

**NOTA -NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

1 AKTIVITI UTAMA

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) adalah sebuah pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 4(1) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H / 2001M.

Aktiviti utama MAIDAM adalah melaksanakan pengurusan kutipan dan pengagihan zakat kepada lapan (8) asnaf iaitu fakir, miskin, muallaf, amil, fisabilillah, al-riqab, al-gharimin dan ibnu sabil.

MAIDAM juga bertanggungjawab menguruskan sumber dan harta Wakaf selaras dengan peruntukan Seksyen 4, Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016.

Selain daripada itu, MAIDAM juga berperanan dalam mengembangkan sumber perolehan Baitulmal dan aktiviti yang berkaitan selaras dengan tanggungjawab MAIDAM untuk membangun, menggalak, mengurus dan meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat Islam di Negeri Terengganu mengikut undang-undang dan Hukum Syarak.

2 PEMATUHAN PIAWAIAN LAPORAN KEWANGAN

Penyata kewangan MAIDAM telah disediakan mematuhi Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan prinsip-prinsip perakaunan diterima umum di Malaysia kecuali ianya bercanggahan dengan Hukum Syarak.

3 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

3.1 Asas Penyediaan

Penyata kewangan MAIDAM telah disediakan menurut asas kos dan nilai saksama kecuali ianya bercanggahan dengan Hukum Syarak.

3.2 Hartanah, Loji, Peralatan dan Susutnilai

Susutnilai

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul. Susutnilai adalah berdasarkan kepada jangka hayat kegunaan harta, loji dan peralatan berkenaan, dan dikira berdasarkan kaedah garis lurus pada kadar tahunan sebagaimana di bawah.

Susutnilai bagi perolehan harta, loji dan peralatan yang baru dalam tahun, tempoh perkiraan secara proportionate adalah dikira mulai bulan yang berikut selepas perolehan harta, loji & peralatan tersebut dibuat. Bagi sebarang pembelian atau perolehan selepas tarikh 30 November, susutnilainya hanya akan diambilkira pada tahun berikutnya.

Susutnilai atas harta tetap dikira untuk melupuskan kos harta dengan menggunakan kaedah garis lurus ke atas jangkahayat harta yang berkenaan. Susutnilai atas kadar tahunan dikenakan dalam tahun sesuatu aset dibeli atau diperolehi dan tidak dikenakan bagi tahun aset dijual atau dilupuskan.

- i) Tanah Milik Bebas - Tidak disusutnilaikan
- ii) Tanah Pegangan Pajak- Dilunaskan dalam jangka masa pajakan seperti berikut:

- PN 196 Lot 1130 Bandar Kuala Terengganu	99 tahun
- HS(D) 7276 PT 11350 Mukim Batu Rakit, Kuala Terengganu	60 tahun
- HS(D) 7976 Lot 31289 Tanjung Ngangsa, Mukim Kuala Nerus, Kuala Terengganu	60 tahun
- PM 16 Lot 2655 Kubang Parit, Kuala Terengganu	99 tahun
- PM 15 Lot 2656 Kubang Parit, Kuala Terengganu	99 tahun



- HS(D) 8590 PT 22935 Mukim Batu Rakit, Kuala Terengganu	99 tahun
- HS(D) 497 Lot PT 934, PN 3933 Lot 936,PN 3934 Lot 939 ,HS(D) 583 Lot 933	60 tahun
HS(D) 584 Lot 935, HS(D) 704 Lot PT 1432 Mukim Jengai , Daerah Dungun (Ketengah)	
- PN 1721-PN 1725 Lot 3654-3658 Mukim Kuala Dungun, Dungun	99 tahun
- HS(D) 291-295 Lot 3649-3653 Mukim Kuala Dungun, Dungun	99 tahun
- PN 4041 Lot 3133 Mukim Tasik, Setiu	99 tahun
- PN 3862 Lot 2668 Mukim Keluang, Besut	60 tahun
- PN 4854 Lot 13003 Kg. Air, Mukim Cukai, Kemaman	99 tahun
- HS(D) 959 Lot 9497 Mukim Penghulu Diman, Hulu Terengganu	60 tahun
- HS(D) 2842 Lot 4980 Mukim Tanggol, Hulu Terengganu	99 tahun
- Lot 12224 PM22 Mukim Batu Rakit	99 tahun
- Lot 19486 PM 998 Mukim Kuala Nerus	99 tahun
- Lot 7550 PM 67 Mukim Pengadang Buluh	99 tahun
- Lot 4197 PM 188 Mukim Kuala Telemong	99 tahun
- Lot 7183 PM 1776 Mukim Penghulu Diman	99 tahun
- Lot 2740 PM 59 Mukim Tersat	99 tahun
- Lot 4937 PM 2805 Mukim Penghulu Diman	99 tahun
- Lot 1864 PM 327 Mukim Penghulu Diman	99 tahun
- Lot 6843 PM 1323 Mukim Penghulu Diman	99 tahun
- Lot 4915 PM 2482 Mukim Penghulu Diman	99 tahun
- Lot 6832 PM 1187 Mukim Penghulu Diman	99 tahun
- Lot 1856 PM 2412 Mukim Penghulu Diman	99 tahun
- Lot 2928 PN 3831/ Lease 925 Mukim Kuala Dungun	99 tahun
- Lot 2713 PM 800 / PT 10063 HS(M) 5986 Mukim Kuala Dungun	30 tahun
- Lot 2935 PM 57 Mukim Chukai	30 tahun
- Lot 507 PN1445 Mukim Bandar Chukai	60 tahun
- Lot 3244 PM 272 Mukim Kerteh	99 tahun
- Lot 1738 PM 343 Mukim Tebak	99 tahun
- Lot 2343 PM 344 Mukim Tebak	99 tahun
- Lot 3552 PM 106 Mukim Pasir Akar	99 tahun
- Lot 273 PM 80 Pulau Perhentian	99 tahun
- Lot 3192 PM 72 Mukim Tembila	99 tahun
- Lot 2033 PM 366 Mukim Tenang	99 tahun
- Lot 3805 PM 434 Mukim Kuala Besut	99 tahun
iii) Bangunan	
- Bangunan kekal	60 tahun
- Bangunan separa kekal	40 tahun
- Bangunan sementara	20 tahun
iv) Kenderaan	10 % setahun
v) Alatan Pejabat	20 % setahun
vi) Perabot dan Kelengkapan	20 % setahun
vii) Komputer	20 % setahun

Perbelanjaan Aset Dari Pembiayaan Kumpulan Wang Zakat

Perbelanjaan ke atas pembelian sesuatu aset atau projek pembangunan khusus kepada Asnaf Zakat, yang dibiayai melalui Kumpulan Wang Zakat diakaunkan sebagai perbelanjaan hangus.

Perletakan Hak Harta Wakaf

Nilai bangunan yang terletak hak pada Wakaf didedahkan di dalam Nota Penjelasan Harta bersekali dengan nilai harta -harta wakaf yang lain. Sebagaimana Seksyen 4(1) (a)- Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf, yang terletak di dalam Negeri Terengganu.

Perolehan Aset Alih

Aset yang diperolehi dengan harga perolehan asal RM 2,000 dan ke atas dikira sebagai harta modal dan disusutnilai manakala aset yang diperolehi dengan harga perolehan asalnya kurang daripada RM 2,000 setiap unit diklasifikasikan sebagai Aset Bernilai Rendah yang diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan.

3.3 Hartanah pelaburan

Hartanah pelaburan adalah dengan mengiktiraf tanah, bangunan (termasuk lantai bangunan), atau kedua-duanya tanah dan bangunan, termasuk hutan yang masih dalam pembinaan jika ia bertujuan untuk kenaikan nilai modal, pendapatan sewa atau kedua-duanya. Hartanah pelaburan direkod pada nilai kos pada pengiktirafan awal.

MAIDAM menggunakan model kos untuk mengukur hutan pelaburan selepas pengiktirafan awal iaitu dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul memandangkan nilai saksama tidak dapat diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar bagi hutan pelaburan yang dimiliki.

3.4 Geran Kerajaan

Geran yang diterima daripada Kerajaan Negeri sebagai bantuan untuk membiayai perbelanjaan mengurus di samping lain-lain aktiviti yang dilaksanakan oleh MAIDAM adalah diakaunkan sebagai hasil MAIDAM.

3.5 Operasi Ar Rahnu

- i) Ar Rahnu MAIDAM adalah beroperasi di bawah aktiviti MAIDAM yang mana semua perbelanjaan mengurus ditanggung sepenuhnya oleh pihak pengurusan. Pelaporan penyata kewangan semua operasi Ar Rahnu disatukan di bawah Kumpulan Wang Ar Rahnu yang mana ianya adalah pelaporan yang melibatkan aktiviti dan urusniaga operasi gadaian dan tebusan tanpa melibatkan perbelanjaan mengurus yang lain.
- ii) Penerimaan modal bagi membiayai operasi Ar Rahnu oleh setiap cawangan diakaunkan sebagai terimaan tunai bagi akaun Ar Rahnu berkeraan.

3.6 Wakaf Tunai

Penerimaan dana bagi tujuan Wakaf Tunai adalah diiktiraf sebagai amanah (liabiliti) dalam Kumpulan Wang Wakaf yang mana ianya akan digunakan untuk penggantian aset kekal yang boleh mendatangkan hasil atau manfaat. Manakala hasil yang diperolehi melalui pelaburan dana Wakaf Tunai tersebut akan diiktiraf sebagai hasil Wakaf.

3.7 Hasil Sumber Zakat

Hasil zakat adalah terdiri daripada kutipan zakat dan fitrah pada setiap umat Islam di negeri Terengganu seperti mana kuasa yang telah diberikan kepada MAIDAM melalui Seksyen 70- Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H / 2001M, termasuk di dalam hasil zakat ialah apa-apa terimaan yang terbit daripada sumber asal zakat (kutipan dan fitrah). Hasil yang diterima daripada sumber zakat akan menjadi milik Kumpulan Wang Zakat kecuali terdapat keputusan lain yang ditetapkan oleh MAIDAM bagi perkara yang telah ditentukan tujuannya.

3.8 Hasil Sumber Wakaf

Hasil wakaf adalah terdiri daripada sumber wakaf am, wakaf khas dan jika diterima digunakan berdasarkan Bahagian IX Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016. Hasil yang diterima daripada sumber wakaf akan menjadi milik Kumpulan Wang Wakaf mengikut peruntukan Seksyen 37, Bahagian IX Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016.

3.9 Pengiktirafan Pendapatan

i)Kutipan Zakat

Kutipan Zakat diiktiraf menggunakan asas tunai.

ii)Pendapatan Sewaan

Pendapatan sewaan diiktiraf menggunakan asas akruan,

iii) Hasil Keuntungan Pelaburan, Dividen Pelaburan dan Hibah.

Hasil keuntungan dari simpanan jangka pendek, dividen pelaburan dan hibah adalah diiktiraf berdasarkan asas akruan.

iv) Upah Simpan, Caj Pengeluaran Notis dan Caj Pengeluaran Salinan Surat Akuan Gadaian

Hasil upah simpan dan lain-lain hasil operasi Ar Rahnu seperti caj pengeluaran notis dan caj pengeluaran salinan surat akuan gadaian adalah diiktiraf berdasarkan asas akruan.

v)Hasil Jualan Aset Tak Alih

Hasil jualan aset tak alih adalah diiktiraf berdasarkan tarikh perjanjian jual beli aset (jika ada) atau berdasarkan tarikh pindah hak milik aset berkenaan kepada pembeli.

3.10 Pelaburan Saham

i) Pelaburan saham-saham MAIDAM diukur pada nilai saksama dengan merujuk pasaran aktif. Perubahan nilai saksama pelaburan saham yang berlaku diiktiraf dalam untung atau rugi atas perubahan nilai saksama.

ii) Manakala bagi pelaburan saham yang tidak tersiar harga, ianya dinyatakan pada kos setelah ditolak rosotnilai terkumpul. Rosotnilai dikira berdasarkan nilai semasa saham-saham berkenaan yang mana sekiranya nilai semasa saham lebih rendah daripada nilai kos saham, perbezaan tersebut akan didebitkan ke akaun rosotnilai saham manakala jika sebaliknya perbezaan tersebut akan dikreditkan ke Rezab Nilaian Semula Harta dalam akaun. Pelaburan dinyatakan pada nilai terendah antara kos dan nilai pasaran.

3.11 Akaun Belum Terima

Akaun Belum Terima adalah termasuk jumlah hutang ke atas penghutang penyewaan aset-aset MAIDAM yang dinyatakan setelah ditolak dengan Peruntukan Hutang Ragu pada kadar yang telah ditetapkan sebagaimana berikut:

Tempoh Hutang	% Yang Dianggarkan Ragu
2 tahun dan kurang	5
Lebih 2 tahun dan kurang 3 tahun	10
Lebih 3 tahun dan kurang 4 tahun	15
Lebih 4 tahun dan kurang 5 tahun	18
5 tahun dan lebih	20

3.12 Manfaat Pekerja

i)Manfaat Pekerja Jangka Pendek dan Jangka Panjang

Upah, gaji, imbuhan tahunan dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh dimana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan. Ketidakhadiran diberi pampasan terkumpul iaitu pada masa kakitangan bersara ataupun semasa tempoh kontrak tamat.

ii)Pelan Caruman Wajib
